


Jilid I
Bil. 26

Hari Isnin
20hb November, 1978



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2485]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang undang-undang Perbekalan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Jadual:

Maksud B.24 [Ruangan 2512]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979:

Jawatankuasa (Hari Kelima)—

Maksud P.24 [Ruangan 2512]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

.. Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).

.. Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

.. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).

.. Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

.. Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

.. Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).

.. Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

.. Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

.. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).

.. Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

.. Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

.. Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN. P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE
E. MANSUL (Penampang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Mas Gading).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- .. TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- .. TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- .. TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- .. TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahrü).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloñ).
- .. TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- .. DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- .. TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- .. TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- .. TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- .. DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- .. TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- .. TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- .. TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- .. TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL. RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT. K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 20hb November, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BIASISWA PERBADANAN PERKAPALAN
ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)**

1. Tuan Lee Boon Peng minta Perdana Menteri menyatakan bilangan biasiswa-biasiswa yang telah diberi oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) setakat ini kepada pelajar-pelajar yang sedang belajar di Seberang Laut dalam bidang kursus-kursus Kejuruteraan Laut dan Senibena Laut. Atas asas apakah pelajar-pelajar ini dipilih.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga tarikh ini, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia telah menghadihkan empat biasiswa kepada pelajar-pelajar yang sedang belajar di seberang laut iaitu dua bagi kursus Ijazah Kejuruteraan Laut dan dua bagi Senibena Laut. Dua daripada penerima biasiswa ini telah kembali dan berkhidmat dengan Perbadanan ini. Dua lagi akan tamat kursus masing-masing pada akhir tahun 1979. Biasiswa-biasiswa ini dihadihkan berasaskan kepada:

- (i) dasar menambahkan bilangan Bumiputra berkelulusan teknikal dalam perkhidmatan Perbadanan;
- (ii) penerimaan mereka masuk oleh Universiti yang telah ditetapkan oleh Perbadanan untuk mengikuti kursus berkenaan; dan

(iii) kebolehan mereka dalam matapelajaran berkenaan.

**LATIHAN KELASI DI
PUSAT LATIHAN LAUT
MELAKA**

2. Tuan Lee Boon Peng minta Perdana menteri menyatakan beberapa orang kelasi (seamen) telah diberi latihan di Pusat Latihan Laut (Maritime Training Centre) di Melaka setakat ini dan bilangan orang yang sedang menjalani kursus di Pusat tersebut.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, seramai 79 orang kelasi (seamen) telah mendapat latihan di Pusat Latihan Perkapalan Malaysia Melaka semenjak Pusat itu memulakan latihan pada 1hb Jun, 1977. Pada masa ini seramai 80 orang pelatih sedang menjalani kursus di Pusat tersebut.

RUMAH KOS RENDAH

3. Tuan Mohd Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan samada beliau sedar pihak swasta yang menjalankan projek-projek perumahan telah menetapkan rumah-rumah teres yang paling murah harganya sebanyak \$24,000.00 sebuah. Ini menyebabkan peruntukan yang diuntukkan kepada Bumiputra tidak dapat dibeli oleh mereka. Adakah beliau bercadang supaya diadakan satu peraturan tiap-tiap projek perumahan hendaklah 50% daripadanya ditetapkan kos rendah yang berharga \$10,000.00 ke bawah sebuah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak ada mengenakan peraturan-peraturan di mana satu-satu projek perumahan hendaklah mengandungi 50% daripadanya adalah rumah-rumah berharga rendah. Walau

bagaimanapun setengah-setengah negeri seperti Negeri Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka ada mengenakan syarat-syarat di mana sekurang-kurangnya 40% daripada jumlah rumah-rumah hendaklah daripada jenis harga rendah. Walau bagaimanapun definisi harga rendah ialah rumah yang berharga kurang daripada \$20,000.00 se yunit.

Peluang untuk mendapat rumah-rumah kos rendah adalah terbuka kepada rakyat jelata di bawah rancangan perumahan awam kos rendah yang dibina melalui pinjaman dari Kementerian saya dan juga melalui MBSB.

MINYAK KELAPA SAWIT

4. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh sebab perundingan-perundingan di antara pembekal-pembekal minyak kelapa sawit dan penapis-penapis tempatan berkenaan dengan kekurangan barangan dan harga-harga yang berpatutan telah terbengkalai dengan tiada tercapai suatu persetujuan yang memuaskan setakat yang ternampak, sama ada beliau akan ambil langkah-langkah yang segera untuk menyelesaikan masalah ini supaya tiada mendatang bencana kepada perindustrian yang masih muda ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat mungkin telah pun maklum, beberapa persetujuan telah dicapai baru-baru ini di antara Majlis Penanam-penanam Kelapa Sawit Malaysia (MOPGC) yang mewakili syarikat-syarikat Pengeluar minyak kelapa sawit mentah dengan Persatuan Penapis-penapis Minyak Kelapa sawit Malaysia (PORAM) yang mewakili syarikat-syarikat penapis minyak kelapa sawit tempatan di dalam perundingan-perundingan di antara mereka untuk mencapai penyelesaian ke atas masalah kekurangan bekalan dan harga yang tinggi bagi minyak kelapa sawit mentah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat penapis tersebut.

Persetujuan-persetujuan ini, yang telah dicapai hasil dari perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat bulanan di antara MOPGC dan PORAM yang telah diaturkan

oleh Kementerian saya, adalah pada perinsipnya berkisar di atas dua perkara iaitu:

- (a) Syarikat-syarikat ahli MOPGC akan menjual minyak kelapa sawit mentah kepada syarikat-syarikat ahli PORAM dengan jumlah yang mencukupi untuk memenuhi keperluan-keperluan pemerosesan syarikat-syarikat ahli PORAM itu;
- (b) Syarikat-syarikat ahli MOPGC akan menjual minyak kelapa sawit mentah kepada syarikat-syarikat ahli PORAM berdasarkan harga antarabangsa CIF yang diselaraskan untuk menjamin supaya harga-harga yang dikenakan kepada syarikat-syarikat ahli PORAM itu sekurang-kurangnya tiada melebihi harga-harga bahan tersebut di pasaran-pasaran antarabangsa. Harga-harga CIF yang diselaraskan adalah harga-harga CIF Eropah dan Amerika Syarikat yang telah ditolak unsur-unsur kos perkapalan, insuran, pelabuhan, kewangan (*jika berkenaan*) dan kehilangan minyak sewaktu diterima pada kadar yang biasa.

Satu mesyuarat lanjut yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah diadakan di Kementerian saya pada 22hb. September, 1978, di mana peraturan-peraturan serta tarikh bagi pelaksanaan persetujuan-persetujuan yang berkenaan telah dibincang dan ditetapkan. Hasil dari mesyuarat ini, MOPGC dan PORAM telah bersetuju menandatangani satu perjanjian bertulis yang mengandungi persetujuan-persetujuan yang telah dicapai oleh kedua belah pihak itu khususnya mengenai penjualan minyak kelapasawit mentah kepada syarikat-syarikat ahli PORAM pada jumlah yang mencukupi serta penggunaan harga CIF yang diselaraskan dengan lebih giat dan luas lagi untuk meliputi semua jenis penjualan dan pembelian di antara kedua belah pihak mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah dipersetujui bersama.

Perjanjian bertulis tersebut telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober, 1978. Untuk memastikan supaya persetujuan-persetujuan ini dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya

dengan licin dan teratur, saya telah mengarahkan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa sawit (PORLA) supaya mengawas pelaksanaan perjanjian tersebut mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Jaminan juga telah turut dibuat sendiri oleh MOPGC dan PORAM untuk memberi kerjasama mereka yang sepenuhnya dalam memastikan perjanjian tersebut berjalan dengan baik dan berkesan. Dengan pengawasan PORLA serta jaminan kerjasama dari MOPGC dan PORAM ini, saya percaya pelaksanaan perjanjian bertulis di antara kedua belah pihak ini akan berjaya mengatasi masalah kekurangan bekalan dan harga yang tinggi bagi minyak kelapa sawit mentah yang dialami oleh syarikat-syarikat penapis tempatan.

KEMATIAN BAYI-BAYI DI HOSPITAL BESAR MELAKA

5. Tuan P.Patto (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Suruhanjaya di Raja Siasatan ke atas kematian bayi-bayi secara besar-besaran di Hospital Besar Melaka yang berlaku pada bulan November 1974 telah menyiapkan siasatannya serta menyampaikan laporannya kepada beliau, jika ya, nyatakan bilakah laporan tersebut disampaikan kepada beliau dan juga nyatakan apakah tindakan Kerajaan telah ambil menenai laporan tersebut.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, di dalam soalnya, Ahli Yang Berhormat itu telah meminta pertanyaan tentang laporan siasatan atas kematian bayi-bayi di Hospital Besar, Melaka dalam bulan November, 1974. Sebenarnya tidak ada berlaku kejadian seperti yang beliau tanyakan itu dalam tahun 1974.

Apa yang dipersoalkan ialah kematian bayi-bayi di Hospital Besar, Melaka yang berlaku di antara 21hb November hingga 30hb November, 1975. Satu Suruhanjaya Penyiasatan di Raja telah dilantik untuk menyiasat kejadian ini dan Suruhanjaya yang berkenaan telahpun menyiapkan laporannya dan telah menyerahkan laporan itu dengan rasminya kepada saya pada 24hb Julai, 1978. Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Suruhanjaya ini

telah mendapati bahawa tidak ada berlaku sebarang kelalaian atau pun "negligence" berkaitan dengan kematian 15 orang bayi-bayi di Hospital Besar, Melaka, yang terjadi di antara 21hb November hingga 30hb November, 1975.

Laporan ini telah pun dipertimbangkan oleh Kerajaan. Beberapa perakuan mengenai pentadbiran yang terdapat di dalam laporan itu telah diteliti oleh Kementerian Kesihatan dan beberapa langkah-langkah tertentu telah-pun diambil ke atasnya di mana perlu dan wajar.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya akan edarkan salinan-salinan laporan ini sebagai Kertas Perintah No.49/78, kepada Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan yang mulia ini untuk makluman. Laporan ini ialah laporan asal yang disiap-sediakan oleh Suruhanjaya Penyiasatan Di Raja itu dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada maklumat yang diberikan dan juga beberapa butir-butir yang diputuskan. Dan di sini ingin sekali saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan bahawa tadi Yang Berhormat Menteri berkata iaitu kematian bayi-bayi beramai-ramai yang berlaku pada 21hb November hingga 30hb November 1975 ini bukanlah disebabkan oleh kelalaian pihak Hospital Besar Melaka. Maka bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini apakah sebenarnya faktor yang mengakibatkan kematian bayi-bayi beramai-ramai yang begitu luar biasa dalam masa 20 hari ini? Sebenarnya melebihi 40 orang nyawa yang terlibat.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan bahawa keputusan Suruhanjaya itu ialah tidak ada berlaku negligence atas 15 kematian bayi-bayi dalam tempoh yang berkenaan. Faktor-faktor adalah di dalam laporan ini, saya berharap bahawa Ahli Yang Berhormat bolehlah bersabar sedikit. Beliau akan dapat laporan ini apabila diedarkan hari ini nanti.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Kesihatan

memberitahu Dewan ini apakah sebabnya didapati perbezaan di antara angka-angka yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada tahun 1975 selepas siasatan yang dicadangkan oleh DAP. Dari angka yang dinyatakan ialah lebihkurang 40 orang tetapi angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan 15 orang sahaja.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, laporan ini disiap sediakan oleh satu Suruhanjaya Di Raja yang bebas dan telah mengadakan perbicaraan terbuka di Melaka dan angka-angka yang saya sebutkan tadi ialah tercatit di dalam laporan ini.

Tuan P.Patto: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu nama Ahli-ahli dalam Suruhanjaya Penyasatan Di Raja dan juga sama ada Suruhanjaya itu mengandungi pakar-pakar perubatan khususnya Pakar Perubatan Kanak-kanak oleh kerana kita belum lagi menerima laporan itu dan kita tidak tahu menahu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab. Nanti apabila habis masa soal jawab ini boleh diserahkan kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Tetapi, kita tidak boleh bahas tentang perkara ini kerana dalam masa ini sahaja....

Tuan Yang di-Pertua: Dalam masa ini bukan ada hendak bahas, hendak bertanya!

Tuan P.Patto: Bukan, hendak bertanya juga kali ini sahaja yang boleh....

Tuan Yang di-Pertua: Semua nama-nama akan diterangkan dan ikut Peraturan Mesyuarat, kalau dibaca betul-betul, perkara yang ada di dalam bentuk dokumen tidak payah ditanya lagi. Dilarang oleh Peraturan Mesyuarat.

Tuan P.Patto: Ya memang, kalau kita mempunyai dokumen itu. Sekarang kita tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua: Dokumen itu akan dihantar. Yang Berhormat Menteri sudah kata dokumen itu akan diserahkan nanti. Cuma hendak tahu nama sahaja, kemudian nanti, bacalah nama itu.

LESEN TAHUNAN AKHBAR-AKHBAR

6. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan membatalkan syarat pengeluaran lesen tahunan kepada akhbar-akhbar pada penghujung tahun yang berikutnya yang mana membuat tuanpunya akhbar merasa bimbang dan sama ada lesen tersebut dapat dikeluarkan untuk selama-lamanya untuk menjamin kebebasan akhbar.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidaklah bercadang hendak meminda peruntukan di bawah Seksyen 7(a) Akta Mesin Cetak 1978 itu dan sukalah saya menegaskan bahawa tuan punya akhbar tidak perlu bimbang berhubung dengan pelesenan ini sekiranya dia mematuhi syarat-syarat yang dikenakan dan berpandu kepada prinsip-prinsip dalam Perlembagaan untuk menjamin kebebasan akhbar-akhbar.

Tuan V. David: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pemegang-pemegang lesen tahunan akhbar terpaksa menunggu di pintu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membaharui lesen-lesen mereka untuk tahun hadapan iaitu 1hb Januari hingga 31hb Disember. Dengan keadaan ini bolehkah dikatakan kebebasan berakhbar? Kerana kalau tidak ikut polisi parti yang memerintah khususnya Kerajaan mereka tidak boleh dapat lesen untuk tahun hadapan.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara permintaan lesen ini, sukalah saya menyatakan bahawa tuan-tuan punya akhbar itu hendaklah mempunyai kebijaksanaan untuk membuat permohonan dengan masa yang tertentu iaitu pada masa-masa yang lebih awal lagi supaya tidaklah tergendala ataupun mengganggu lesen-lesen akhbar masing-masing. Setakat ini, pada pengetahuan saya, pihak Kementerian belumlah pernah menolak ataupun membatalkan permohonan-permohonan membaharui permit bagi akhbar-akhbar harian yang diterbitkan di Semenanjung Malaysia ini dan dengan itu, bagi jawapan soalan yang akhir itu tidaklah berbangkit.

Tuan Chan Teck Chan: Untuk menjunjung tinggi kebebasan suratkhbar dan juga sebagai langkah Kerajaan yang berkesan untuk menggalakkan pertumbuhan perusahaan suratkhbar di Malaysia, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mempertimbangkan untuk memperbaiki sistem pengeluaran lesen tahunan? Jikalau didapati surat-suratkhbar tempatan tidak berapa menyiarkan kenyataan yang melanggar keselamatan atau syarat-syarat yang ditetapkan, maka mereka terus boleh menjalankan perusahaan suratkhbar mereka tanpa meminta atau memohon membaharui lesen mereka.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menyatakan tadi bahawa sehingga ini tidaklah ada lagi akhbar-akhbar yang telah ditolak dan menemui apa-apa kepayahan bagi mendapati lesen-lesen mereka untuk pengeluaran akhbar-akhbar harian.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkata tidak ada apa-apa masalah dan bantahan terhadap pengeluaran lesen tahunan kepada surat-suratkhbar yang ada di Malaysia, maka apa sebab sistem pengeluaran lesen tahunan perlu diadakan dan dijalankan sehingga ada sebahagian surat-suratkhbar mengalami kesukasan untuk memohon lesen untuk mengeluarkan atau menerbitkan suratkhbar yang baru.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebab-sebabnya adalah baik bagi kedua pihak, sama ada kepada akhbar sendiri dan juga bagi pihak yang mengawal pengeluaran akhbarnya supaya mempunyai keterangan-keterangan yang lebih lanjut jika dikehendaki pada masa-masa pengeluaran akhbar itu. Dan semoga pelesenan tahunan ini pihak Kerajaan dapat mengawal dengan rapi dan pengeluaran akhbar yang sihat dalam negeri ini.

KEMATIAN WONG AH SENG/ YOKELIN

7. Tuan Chan Teck Chan (di bawah S.O. 24 (2)) Minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Wong Ah Seng *alias* Ah Wai dan adik

perempuannya Yoke Lin *alias* Ah Moi telah dijumpai mati terbunuh dalam kawasan keselamatan berdekatan dengan Ayer Kala Kampong Bahru di Hulu Perak dan lebih 15,000 orang telah menghadiri pengkebumian mereka. Jika sedar, sama ada pihak polis telah menangkap pembunuh-pembunuh tersebut.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa ini telahpun diberikan secara jawapan bertulis iaitu bagi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu di Dewan ini pada 19hb Oktober yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini sudah dibangkitkan, tidak ada soalan tambahan lagi.

Tuan P. Patto: Tetapi bukan tentang jawapan yang diberi.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 8

PERKHIDMATAN MAS KUALA LUMPUR-NARITA

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: minta Menteri Pengangkutan sama ada beliau sedar tentang bantahan rakyat-rakyat Narita mengenali pembukaan lapangan-terbang Narita dan sama ada MAS bercadang menambah bilangan penerbangan dan mengadakan perkhidmatan antara Kuala Lumpur dan Narita. Apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil bagi menentukan keselamatan penumpang-penumpang di lapangan-terbang tersebut.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada bantahan dari golongan rakyat negara Jepun mengenai pembukaan Lapangan-terbang Narita di Tokyo. Pihak MAS memang bercadang untuk menambahkan lagi penerbangan ke negara Jepun dan ini tidak semestinya menuju ke

Tokyo sahaja dan menggunakan Lapangan-terbang Narita. Bagaimanapun penerbangan tambahan ini bergantung kepada sama ada hak-hak mendarat lebih diperolehi daripada Kerajaan Jepun, perkara ini sedangpun di-rundingkan dengan Kerajaan Jepun.

Mengenai langkah-langkah keselamatan di Lapangan-terbang tersebut, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Jepun patutlah diserahkan kepada negara berkenaan bagi menguruskannya.

HOSPITAL DAERAH ULU TRENGGANU

9. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah sebab-sebab pembinaan hospital daerah Ulu Trengganu masih belum dimulakan sedangkan tanah bagi tapak hospital itu telah selesai diproses tiga tahun yang lalu: adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa kelambatan pembinaan hospital itu mendatangkan kesulitan kepada 40,000 orang penduduk daerah itu yang terpaksa pergi 25 batu ke Kuala Trengganu untuk mendapat rawatan ward.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sebidang tanah seluas 20,036 ekar telah diperolehi dalam bulan Disember, 1976. Adalah dirancangan hospital ini akan dibina pada akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Oleh kerana Kementerian saya sedar kesusahan yang dihadapi oleh orang ramai di Ulu Trengganu, Kementerian saya telah mengarahkan supaya mempercepatkan projek tersebut.

PELANCUNG-PELANCUNG KE MALAYSIA

10. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian ini sedar, bahawa pelancung-pelancung ke Malaysia, berpendapat keindahan alam di negara ini adalah sangat istimewa jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Disebabkan kurang penerangan, orang-orang dari negara-negara luar kurang melancung ke Malaysia. Tidakkah Kerajaan bercadang memperluaskan penerangan

berkenaan dengan keindahan alam di Malaysia kepada orang-orang dari negara luar menerusi Kedutaan Malaysia di luar negeri.

Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar sepenuhnya bahawa keindahan alam semula jadi Negara kita ini adalah satu-satunya keistimewaan yang boleh dieksploitasikan bagi menarik pelancung-pelancung. Keindahan alam semula jadi seperti pantai-landai, bukit-bukau, gunung-ganang, taman-taman negara dan lain-lain lagi kerap digunakan dengan luasnya di dalam usaha penggalakan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) terutamanya melalui kempen-kempen pengiklanan.

Untuk menarik pelancung-pelancung ke Malaysia, Kerajaan sentiasa dan akan terus mempergiatkan usaha-usaha penggalakan kepada bakal-bakal pelancung. Pada masa sekarang, TDC sedang aktif menyebarkan maklumat-maklumat mengenai Malaysia dengan menghantar dan membekal bahan-bahan penggalakan dan publisiti ke Pejabat-pejabat TDC dan MAS di seberang laut dan juga kesemua Kedutaan Malaysia seperti yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat itu untuk diedarkan kepada pihak-pihak yang memerlukan.

Bahan-bahan pengiklanan dan risalah-risalah publisiti diadakan dalam beberapa bahasa, iaitu Bahasa Perancis, Jepun, Italy, China dan Thai, di samping Bahasa Malaysia dan Inggeris untuk membolehkan maklumat mengenai Malaysia diterima oleh penduduk-penduduk negara yang berkenaan. TDC akan meneruskan kegiatan bagi memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancungan di luar dan dalam negeri. Dengan kemudahan yang diberi oleh Kerajaan, TDC akan menumpukan penuh perhatian kepada pengiklanan pengguna, kerana saluran ini merupakan salah satu daripada cara-cara paling berkesan bagi usaha-usaha penggalakan negara ini kepada bakal-bakal pelancung. TDC juga akan menetapkan pengiklanan melalui mass media dan menggalakkan lebih banyak pengusaha-pengusaha pelancung antarabangsa membuat lawatan ke Negara ini. Bagi menambah kegiatan-kegiatan ini, satu

missi jualan akan dihantar melawat ke Eropah pada tahun hadapan.

Sukacita saya menegaskan bahawa adalah tidak benar terdapat kekurangan bilangan pelancung melawat ke negara ini disebabkan kekurangan penggalakan dan publisiti. Perangkaan menunjukkan bahawa pada tahun-tahun yang lepas terdapat tambahan yang menggalakan dalam bilangan pelancung-pelancung melawat ke negara ini, iaitu tidak termasuk rakyat Singapura yang memasuki Malaysia melalui Tambak Johor, adalah seperti berikut:

1972	725,883	orang pelawat
1973	869,559	orang pelawat (dengan penambahan sebanyak 19.8%)
1974	1,080,720	orang pelawat (dengan penambahan sebanyak 24.3%)
1975	1,183,014	orang pelawat (dengan penambahan sebanyak 9.5%)
1976	1,224,815	orang pelawat (dengan penambahan sebanyak 3.5%)
1977	1,288,995	orang pelawat (dengan penambahan sebanyak 5.2%)

Bagi tahun 1978, bilangan pelancung yang melawat ke negara ini sehingga hujung bulan September ialah sebanyak 1,035,706 orang. Para pelancung yang melawat Malaysia datangnya dari seluruh dunia termasuk negara-negara ASEAN, Australia, New Zealand, Jepun, Kanada, Eropah dan Amerika Syarikat.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian yang berkenaan sedar pelancung-pelancung masuk ke Johor ialah setengah hari, lepas itu mereka balik semula ke Singapura. Kedua, bolehkah beliau memberitahu Dewan ini pelancung-pelancung yang masuk ke Malaysia adakah mereka tinggal satu hari atau dua hari. Ini mustahak, jikalau mereka masuk satu hari dan keluar, hotel-hotel itu tidak dapat keuntungan. Apakah tindakan atau langkah untuk

menggalakkan (encourage) pelancung-pelancung ini tinggal di Malaysia lebih dari satu hari.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama ia itu sama ada sedar atau tidak bahawa pelawat-pelawat dari Singapura melawat Malaysia melalui Tambak Johor datang sebelah pagi dan kemudian balik sebelah petang, ini adalah saya sedar dan sebagaimana saya nyatakan tadi, angka-angka yang diberi itu tidak termasuk mereka yang melawat Malaysia melalui Tambak Johor.

Berkenaan dengan soalan kedua, iaitu sama ada mereka ini tinggal di negara kita selama satu hari atau dua hari, ini tidaklah dapat kita hendak menentukan ataupun memaksa mereka tinggal di negara kita ini lebih daripada masa yang dijadualkan oleh pelancung-pelancung. Walau bagaimanapun, mengikut tafsiran Kerajaan ataupun TDC hanya mereka yang melawat negara ini lebih dari 24 jam yang dianggap sebagai pelancung. Mereka yang melawat kurang dari 24 jam adalah sebagai pelawat biasa. Tetapi sebagaimana saya katakan, usaha-usaha sedang dibuat supaya pelancung-pelancung digalakkan datang ke negara kita ini dan kita berharap mereka akan tinggal lebih lama lagi seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan kedudukan Malaysia dalam ASEAN dalam ertikata jumlah pelancung-pelancung yang melawat Malaysia sama ada kedudukan Malaysia dalam kalangan pelancung ialah nombor 1, 2, 3, 4, atau 5.

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis bagi menjawab soalan ini.

JALANRAYA YANG TIDAK DIBAIKI

11. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat jalan-jalan yang tidak dibaiki dan juga jalan-jalan yang telahpun dibaiki tetapi lubang-lubangnya masih tidak tertutup

dengan rapi dan besi penutup lubang dibiarkan bertaburan di jalan dan ini adalah sangat merbahaya kepada Lalulintas, jika ya, apakah tindakan yang akan diambil mengenai perkara ini demi keselamatan jalanraya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan memang sedar mengenai masalah-masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan maklumat-maklumat berkenaan dengan perkara seumpama ini telahpun diberikan semasa menjawab Pertanyaan Mulut pada 7.11.1978.

KLINIK BERSALIN DI KAMPUNG GUAR LOBAK

12. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa klinik bersalin di Kampung Guar Lobak, Padang Serai yang telah diubahsuai dan dinaikkan menjadi sebuah klinik desa semenjak setahun yang lalu tetapi tidak mempunyai pagar di kawasannya dan jika ya, sama ada pagar ini masih belum siap atau tidak ada peruntukan yang telah dibuat bagi memagarnya.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, Klinik Bidan lama di Kampung Guar Lobak, Padang Serai telah dibina dalam tahun 1963 dengan pagarnya sekali. Klinik ini telah dinaikkan taraf ke Klinik Desa dalam bulan January 1978. Kementerian ini sedar Klinik lama ini perlu diganti dan tindakan akan diambil untuk menggantikan pagar ini.

HOSPITAL DAERAH KULIM

13. **Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian akan meneruskan rancangannya untuk membina sebuah hospital daerah di Kulim seperti yang telah dirancangan beberapa tahun yang lalu kerana hospital yang ada sekarang ini tidak lagi sesuai dan tidak dapat memenuhi keperluan penduduk yang kian bertambah di kawasan ini.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang Kementerian ini sedang dalam proses perancangan secara

perinci dengan pihak Jabatan Kerja Raya untuk melaksanakan projek Hospital Daerah Kulim.

MAJUTERNAK

14. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Pertanian memberitahu berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan untuk MAJUTERNAK dan menyatakan:

- (a) jumlah lembu yang telah diimpot, harganya dan jumlah yang mati; dan
- (b) nama negara-negara daripada mana kita telah membeli lembu-lembu tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, semenjak 1973 hingga sekarang MAJUTERNAK telah mengimpot 7,864 ekor lembu dengan harga berjumlah M\$8,291,735 yang dibeli dari negara Australia dan New Zealand.

Di awal rancangan pengimpotan ini dianggarkan kadar kematian lembu ialah 10% tetapi kadar ini telah berkurangan setiap tahun kerana bertambahnya kemudahan-kemudahan dan penggunaan cara-cara moden di ladang-ladang MAJUTERNAK serta bertambahnya pengalaman dan latihan pegawai-pegawai dan kakitangan yang menguruskan ternakan lembu-lembu tersebut.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan sedar lembu-lembu yang diimpot dari Australia ialah sangat kurus dengan sebab sistem yang diimpot ini dari firma atau syarikat-syarikat kontrek. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menghantar pegawai-pegawai dari MAJUTERNAK ke Australia atau New Zealand untuk memeriksa dahulu lembu-lembu itu sebelum dihantar dengan kapal laut atau kapal terbang ke Malaysia.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak sedar perkara ini berlaku tetapi jikalau ini betul saya akan mengambil . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak sedar lembu-lembu ini kurus?

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya kurang tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya lembu yang sampai ke Keluang sahaja yang kurus (*Ketawa*).

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Saya akan mengambil perhatian.

PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN BARISAN NASIONAL

15. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada benar Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional diberikan grant tahunan sebanyak \$50,000 untuk melaksanakan projek-projek di kawasan mereka, jika ya, daripada manakah datangnya wang tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Neo Yee Pan): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa satu soalan yang bermaksud sama telahpun dijawab oleh Yang Berhormat mulia Menteri Kewangan pada 17hb Oktober, 1978 yang lalu dengan panjang lebar dan juga satu lagi soalan yang bermaksud sama telahpun di jawab di Dewan ini pada 14hb November, 1978. Dengan yang demikian tidak perlulah lagi saya menjawab semula soalan itu.

RISALAH (AKHBAR) ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA

16. **Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Sebab-sebab yang berkaitan dengan keselamatan, ketenteraman awam, kepentingan negara dan lain-lain sebab yang menjadi alasan kuat Kementerian beliau menolak permohonan daripada Angkatan Belia Islam Malaysia supaya dikeluarkan permit KDN kepada pertubuhan itu bagi membolehkannya menyebarkan kepada orangramai suratkhobar yang bernama RISALAH;
- (b) mengapakah Kementerian beliau mengambil sikap menanggah-nangguhkan jawapan atas permohonan tersebut hingga beberapa tahun. Pada hal Pertubuhan seperti yang dikehendaki oleh undang-undang; dan

(c) adakah Kerajaan akan menimbangkan semula keputusan menolak permohonan Pertubuhan tersebut untuk mendapatkan permit KDN bagi suratkhobar itu.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Baling dalam soalan ini sukalah saya menyatakan:-

(a) Kementerian ini pernah meluluskan permohonan untuk menerbitkan akhbar bulanan yang dinamakan 'RISALAH' oleh Angkatan Belia Islam Malaysia pada tahun 1974. Permit ini telah dikeluarkan pada 17.5.1974. Sungguhpun demikian beberapa syarat permit yang dikenakan tidak dipatuhi oleh penerbit. Akhbar-akhbar yang diterbitkan telah menyiarkan beberapa artikel dan rencana yang boleh menjejaskan ketenteraman awam dan keselamatan negara. Maka tidaklah perlu saya menambah apa-apa lagi mengenai asas pertimbangan dan pengukuran keselamatan, ketenteraman awam dan kepentingan negara dalam membuat keputusan terhadap permohonan ini kerana dalam syarat-syarat yang dikenakan itu sendiri sudah sangat jelas.

Bagi menjawab soalan (b) dan (c) berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan di atas itu, Kementerian ini telah mengambil masa untuk mengkaji dan menimbang permohonan ini dengan teliti serta berpendapat permohonan untuk meneruskan pengeluaran akhbar ini tidak dapat ditimbang buat sementara.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan iaitu aspek-aspek manakah yang melanggar syarat-syarat itu dan apakah rencana yang dikatakan melanggar syarat-syarat tersebut.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun menjelaskan tadi dan saya rasa tidaklah payah saya jelaskan satu persatu sebab-sebab yang mana akhbar ini tidak dapat mematuhi syarat-syarat yang dikenakan ataupun akhbar ini gagal mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki daripada permit yang akan dikeluarkan kepada akhbar yang tersebut ini. Memadailah saya mengatakan bahawa dalam

beberapa artikel dan rencana yang diterbitkan oleh akhbar atau risalah ini telah mengapi-api dan membangkitkan perasaan sesuatu pihak dan juga akhbar ini pernah mendedahkan penderitaan-penderitaan rakyat di negeri asing di mana gambar-gambar dan rencana yang disiarkan adalah menimbulkan semangat yang tidak sihat di kalangan segolongan masyarakat di Malaysia ini dan juga ada artikel-artikel dalam rencana akhbar ini yang telah pun membuktikan usaha-usaha campurtangan dan sokongan akhbar ini dalam hal ehwal negeri lain. Inilah setengah-setengah daripada perkara-perkara yang telah membawa penanguhan pengeluaran lesen kepada risalah ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa segolongan pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia ini telah diperalatkan oleh sebuah parti politik bagi menyebarkan pengaruh partinya di kalangan belia kita yang belum lagi mengenal apa itu politik dan suratkhbar RISALAH ialah satu lidah rasmi golongan ini untuk mengembangkan pengaruh partinya dengan berselindung di sebalik topeng Islam. Jika sedar, maka apakah penolakan itu wajar sekali bagi tidak memecahbelahkan akidah dan iktikad masyarakat Islam terhadap ugama Islam sebenarnya.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar atas perkara ini dan itulah setengah daripada sebabnya yang ditolak permohonan akhbar ini.

Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan belum lagi menjawab soalan saya kerana perlu disebabkan di sini apakah rencana yang dikatakan itu dan kalau disebutkan tadi bahawa ada menyentuh ataupun membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara-negara lain maka tidakkah akhbar-akhbar harian dan majallah-majallah yang lain juga membincangkan masalah-masalah yang berkaitan dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu di bawah peraturan Mesyuarat 23 (4),

Yang Berhormat Menteri dengan izin Yang di-Pertua, Kalau tidak hendak menjawab atas perkara-perkara keselamatan dan lain-lainnya, boleh tidak meniawabnya, tidak boleh dipaksa, tetapi ini yang disentuh hendakkan rencana-rencana tadi, yang lain sudah dijawab. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-Haj: Tidak ada apa-apa lagi hendak ditambah.

PEMBORONG KECIL BUMIPUTRA

17. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Akauntan Negara selalu mencari salah tentang pembayaran tuntutan kepada pemborong-pemborong, terutama pemborong Bumiputra menjadi pembayaran lambat dibayar dan mengakibatkan pemborong kecil Bumiputra mengalami kesusahan dan terus bankrap.

Dato Dr. Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan di sini bahawa tidak ada mana-mana Jabatan atau agensi pun di dalam Kerajaan sekarang ini hendak menyusahkan rakyat, malahan Kerajaan senentiasa berusaha dan berfikir mencari jalan untuk memberi kesenangan dan kemakmuran kepada rakyat. Jadi kenyataan Yang Berhormat bahawa pihak Accountant General atau Akauntan Negara selalu mencari salah tentang pembayaran tuntutan kepada pemborong-pemborong terutama pemborong Bumiputra untuk melambatkan pembayaran itu tidaklah benar sama sekali dan sangat menggelirukan.

Sebelum sesuatu baucar boleh dihantar kepada Akauntan Negara untuk dibayar, pihak yang melaksanakan projek perlu terlebih dahulu memperakukan bahawa kerja-kerja yang hendak dibayar itu telah diselesaikan dengan sempurna mengikut peringkat-peringkat yang ditentukan. Oleh kerana begitu banyaknya projek yang dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan di seluruh negara maka tidaklah dinafikan ada kalanya perakuan yang diperlukan itu tidak dapat diperolehi dengan segera. Dengan demikian baucar pembayaran tidak dapat disampaikan kepada Akauntan Negara sehingga perakuan itu diberi oleh pihak yang bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, Jabatan Akauntan Negara sentiasa mengamalkan aturan bahawa semua baucar yang dikemukakan untuk dibayar kepada kontraktor-kontraktor adalah diberi keutamaan.

Sebelum sesuatu baucar itu boleh dibayar penyemakan ke atasnya perlu dilakukan dengan teliti. Sekiranya didapati butir-butir atau maklumat yang tidak betul atau tidak mencukupi maka pembayaran baucar tersebut akan ditangguhkan sehingga jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan itu diterima dan segala kemusykilan diselesaikan. Baucar-baucar yang tidak ada 'query' sentiasa dapat diselesaikan oleh Akauntan Negara dalam tempoh satu minggu dari tarikh ianya diterima.

Kesusahan yang menimpa kontraktor-kontraktor Bumiputra kebanyakannya kerana tidak membuat kos projek yang betul dan kesulitan mendapatkan bahan-bahan binaan dan pekerja-pekerja mahir dan bukannya berpunca dari kelewatan pembayaran oleh Akauntan Negara.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberi bukti yang tertentu tentang adanya perkara kelewatan pembayaran yang disengajakan, pihak saya sedia akan menjalankan penyiasatan ke atasnya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kelambatan pembayaran terhadap projek yang dibuat oleh Bumiputra ini selalunya berlaku selepas pihak pejabat jajahan menghantar baucar itu kepada pihak Akauntan Negara. Jadi setengah-setengah pemborong mendapat lebih cepat bayarannya iaitu dalam masa dua minggu. Boleh jadi kerana pemborong ini selalu turun-naik Pejabat Akauntan Negara ataupun ada pegawai-pegawai yang mereka kenal dalam Akauntan Negara, tetapi ada setengah Bumiputra yang tidak suka turun-naik pejabat dalam masa tiga bulan itu pun baucar-baucar ini tidak dapat diluluskan. Jika sedar perkara ini, apakah pihak Akauntan Negara lebih suka pemborong-pemborong kecil ini menumpu ke pejabatnya atau turun naik ke pejabatnya seberapa ramai bagi mempercepatkan kelulusan baucar seperti ini?

Dato' Dr Neo Yee Pan: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi ada kalanya masalah-masalah ini timbul iaitu tentang pembayaran lewat kepada kontraktor-kontraktor terutama sekali kontraktor-kontraktor Bumiputra. Yang Berhormat Menteri Kewangan pun ada menyebutkan dalam Dewan ini untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor, satu yunit khas telahpun ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan pada awal tahun ini. Sejak yunit ini ditubuhkan, Kementerian ada menerima aduan-aduan daripada kontraktor-kontraktor dan pada masa ini yunit khas itu telah pun mengambil langkah-langkah dan telah membuat kajian tentang masalah ini dan kita harap pada masa akan datang sistem pembayaran dan kelewatan pembayaran tidak akan timbul lagi.

BEKALAN AIR MINUM

18. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak sungai-sungai menjadi punca air minum bagi ramai penduduk di negara ini terutama yang miskin di luar bandar dan banyak sungai-sungai tersebut yang dikotorkan oleh berbagai perkara, dan jika ya apakah usaha-usaha yang dijalankan untuk menjamin bahawa sungai-sungai tersebut tidak dicemarkan airnya.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar bahawa hanya dianggarkan 50% penduduk-penduduk luar bandar menikmati bekalan air paip, dan yang lainnya bergantung kepada punca-punca bekalan air yang tidak mencukupi seperti sungai-sungai, perigi-perigi dan terusan-terusan air. Adalah benar bahawa sungai-sungai, perigi-perigi dan parit-parit ini telah dicemari ke suatu tingkat yang tertentu oleh pembangunan tanah dan sumber-sumber asli negara serta juga disebabkan oleh pelepasan effluen-effluen perindustrian.

Kerajaan sedar akan masalah-masalah yang kian bertambah ini dan telah serta akan mengambil langkah-langkah yang patut untuk mengatasi dan mengurangkan berlakunya pencemaran.

Dalam hubungan ini, Bahagian Alam Sekitar di bawah Kementerian saya, di atas nasihat Majlis Kualiti Alam sekeliling, telah-pun menyiapkan beberapa peraturan bagi mengawal pencemaran. Peraturan-peraturan ini ialah:

- (1) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Minyak Kelapa sawit Mentah) 1977.
- (2) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Getah Asli Mentah).
- (3) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian).

Peraturan-peraturan Kelapa Sawit yang telah diwartakan pada 1hb Julai, 1978 sudah-pun di dalam penguatkuasaan. Peraturan-peraturan Kawalan Effluen Getah dan Peraturan-peraturan Kumbahan dan Effluen Perindustrian akan diwartakan sedikit masa lagi untuk dikuatkuasakan. Dengan perlaksanaan peraturan-peraturan ini semua kilang-kilang dan kilang-kilang kelapa sawit adalah dikehendaki mengolah effluen-effluen untuk mematuhi standad-standad yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan ini sebelum melepaskan effluen-effluen mereka ke dalam sungai-sungai atau alurair-alurair.

Satu susunan garis-garis panduan bagi mencegah kelodakan sedang juga disediakan. Garis-garis panduan ini akan mengemaskinkan amalan-amalan dahulu dan sekarang berkaitan dengan pembangunan tanah termasuk infratraktur, pertanian dan pembangunan perumahan. Semua pihak-pihak awam dan swasta akan digalakkan mengikuti garis-garis panduan ini untuk diselaraskan dengan langkah-langkah kawalan pencemaran air yang lain.

Tuan Chan Teck Chan: Sungguhpun Kementerian yang berkenaan sudah ada mempunyai beberapa undang-undang yang berkenaan untuk mengawal pencemaran udara atau air dan lain-lain tetapi adakah Yang Berhormat Menteri itu sedar bahawa disebabkan kekurangan personel atau pegawai penguatkuasa yang berpengalaman dan berkeahlian di dalam bidang untuk mengesan dan mengatasi masalah pencemaran yang

berpunca daripada kilang-kilang yang melepaskan kekotoran, umpamanya sungai dan parit telah dikotori, maka jika Yang Berhormat Menteri sedar, apakah tindakan yang akan diambil untuk masalah ini supaya segala aduan mengenai polution ini boleh dikesan dan di atasi dengan segera dengan tidak mengambil masa setahun dua seperti mana yang berlaku di kawasan Tampin.

Tan Sri Ong Kee Hul: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar masalah-masalah ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan lebih banyak pegawai-pegawai untuk Kementerian saya dan tidak lama lagi pegawai-pegawai ini akan keluar ke tempat-tempat yang tertentu untuk mengawal dan menguatkuasakan peraturan-peraturan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini pada masa sekarang, berapakah bilangan sungai sudah dikotorkan (polluted), mana sungai yang ada yang tidak boleh digunakan atau ikan-ikan dan lain-lain hidupan tak boleh hidup?

Tan Sri Ong Kee Hul: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa untuk menjimatkan masa Dewan ini saya akan edarkan kepada Ahli Yang Berhormat nama-nama sungai yang tertentu supaya Ahli Yang Berhormat itu dapat makluman.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini bahawa sejak Akta Kawalan Kualiti Alam Sekitar ini dikuatkuasakan, maka ada berapakah kes, atau berapakah kilang-kilang atau orang perseorangan yang telah dihadapkan ke mahkamah kerana mereka melanggar undang-undang di bawah Akta berkenaan?

Tan Sri Ong Kee Hul: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peraturan-peraturan ini ada memberi tempoh yang tertentu untuk kilang-kilang mengambil langkah yang dikekalkan dalam peraturan-peraturan ini, pada masa ini belum lagi ada kilang-kilang yang telah dibawa ke mahkamah.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan ini,

apakah sebabnya Kementerian beliau perlu dan terpaksa mengambil masa bertahun-tahun untuk membiarkan kilang-kilang bersiap sedia untuk menguruskan masalah pollution mereka, kerana kita dapati bahawa masalah pencemaran samada udara atau air adalah sangat serius, kalaulah kerajaan tidak bertindak segera

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, apakah sebab Kementerian beliau mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk menguatkuasakan undang-undang yang sudah diluluskan oleh Dewan?

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu diberi masa tempoh dalam undang-undang itu, tak boleh dia hendak ambil tindakan sebelum tempoh itu.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan Akta Kualiti Alam Sekitar baru sahaja diluluskan oleh Dewan ini pada tahun 1974 dan tentulah masa hendak membuat aturan-aturan yang tertentu di bawah Akta ini serta satu tempoh patut dibuat kepada kilang-kilang yang ada untuk mengambil langkah-langkah yang perlu dalam peraturan-peraturan itu. Dasar ini dibuat kerana kita hendak menggalakkan perindustrian kepada kilang-kilang yang sedia ada untuk mengambil langkah-langkah yang tertentu itu.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada kilang-kilang perusahaan yang mencemarkan udara dan air, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa lori-lori yang mengangkut tanah merah juga mencemarkan udara dan menyebabkan rumah-rumah kediaman di sepanjang jalan yang dilalui oleh lori itu menjadi kotor dan udaranya kotor juga. Jadi apakah tindakan Yang Berhormat Menteri terhadap lori-lori itu?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya yang berpunca dengan sungai, jadi kalau pergi perkara lain, kapal terbang jet dan lain-lain nanti panjang masalahnya terkeluar daripada soalan asal.

Tuan Mohamed Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pencemaran daripada kilang-kilang dan sebagainya, kita juga mempunyai pencemaran dari manusia sendiri. Di kawasan saya pada tiga bulan yang sudah sewaktu wabak ta'un melanda kawasan saya, lebih kurang 150 orang penduduk telah terlibat dengan penyakit ta'un. Jadi apakah tindakan yang akan dijalankan oleh Kementerian ini dengan kerjasama dari Kementerian Kesihatan bagi menggalakkan penduduk luar bandar mengadakan jamban curah untuk mengatasi masalah pencemaran air sungai yang disebabkan oleh manusia sendiri di mana di kawasan saya di sepanjang sungai yang telah diadakan satu kajian, iaitu sepanjang 10 batu maka didapati iaitu mulai daripada pukul 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi pencemaran ini adalah lebih kurang 5 pikul sehari. Jadi apakah tindakan ataupun kerjasama yang akan dijalankan oleh Kementerian ini bersama dengan Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini pencemaran oleh manusia melalui sungai, termasuk juga dalam soal asal.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengambil berat tentang masalah ini dan satu kajian telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan dan Kementerian saya akan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan tentang perkara ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih atas kesediaan Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan kepada saya untuk maklumat-maklumat mengenai kekotoran sungai, tetapi soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sehingga selepas Akta-akta diluluskan dalam Dewan ini dalam tahun 1974, masalah kekotoran atau pollution sungai-sungai di tanahair kita lebih terok dan tidak terkawal dan kita menghadapi satu masalah di mana tahun demi tahun lebih banyak sungai menjadi polluted. Soalan saya ialah, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi angka sahaja untuk tahun 1974 dengan mengatakan berapa sungai menjadi polluted dan sekarang berapa sungai sudah polluted dan apakah tindakan yang telah diambil untuk membersihkan atau mengembalikan sungai yang

dipolluted itu kepada keadaan yang bersih dan sihat?

Tan Sri Ong Kee Hul: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan pertama, butir-butir yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat tidak ada dalam tangan saya. Jika perlu boleh dikaji, tetapi ini satu masalah yang timbul dari setahun ke setahun. Seperti saya katakan dalam jawapan saya yang asal, satu masa perlu diberi untuk mengatasi masalah ini.

Berkenaan dengan soalan tambahan yang kedua, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan pertambahan penyemaran itu, puncanya adalah daripada pembangunan yang pesat dalam negara kita ini dan satu perkara yang payah kita hendak mengatasi. Tetapi saya percaya dalam beberapa tahun lagi kita akan dapat kawal perkara ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1979

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (17hb. November, 1978).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat dari Kepong menyambong ucapannya pada 17/11/78 yang lalu, saya suka memaklumkan iaitu perbahasan dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pertanian ini, saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya selewat-lewatnya jam 6.00 petang ini, mungkin lebih dari itu.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Kepong.

Maksud B. 24 (Jadual)—

Maksud P. 24 (Anggaran Pembangunan, 1979)—

3.33 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, mengenai Butiran 191- Pembinaan Pusat-pusat Kerantina, muka surat 173, seluruh negeri Perak telah diisytiharkan sebagai kawasan yang diserang Penyakit Kuku dan Mulut. Saya ucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian yang telah mengambil perhatian yang serius berkenaan penyakit ini dan telah mengambil tindakan yang positif untuk mengatasi masalah penyakit ini. Jika Penyakit Kuku dan Mulut ini tidak dapat dikawal dengan serta merta satu epidemic boleh terjadi dan usaha Kerajaan untuk kemajuan ternakan tidak boleh berjaya. Oleh kerana itu, peruntukan cara langsung \$1,000,259 untuk pembinaan pusat-pusat Kerantina ialah tepat pada masanya (timely) dan dialukan-alukan. Tetapi ini bukan kali pertama kita menghadapi masalah Penyakit Kuku dan Mulut, yang sangat penting semua rakyat harus bekerja sama dengan Kerajaan mengawal penyakit ini.

Tuan Pengerusi, kita sedar bahawa Penyakit Kuku dan Mulut ialah satu penyakit yang diimport dan penyakit ini dibawa oleh haiwan-haiwan dari negara asing. Haiwan-haiwan ini masuk ke negara kita dengan cara haram (illegal entry). Saya mendapati bahawa pembinaan Pusat-pusat Kerantina adalah sangat perlu, tetapi yang harus sekali ialah koordinasi Kementerian Pertanian dengan Jabatan Imegeresen untuk menghapuskan gerakan haram haiwan-haiwan dari negara asing.

Tuan Pengerusi, kita juga harus berhati-hati bahawa penyakit-penyakit berjangkit (*communicable disease*) bukan penyakit Kuku dan Mulut sahaja ada juga lain penyakit-penyakit berjangkit yang boleh dibawa masuk oleh binatang-binatang (haiwan) dan animal products dan bahan pokok tanaman (*Plant seeds and agricultural products*) yang asing, yang tidak dikerantinkan. Pembinaan Pusat-pusat Kerantina dan aktiviti-aktiviti kawalan

dan penguatkuasaan harus diberi priority oleh kerana negara kita sedang memulakan kegiatan pembangunan perindustrian yang intensif dan masalah-masalah penyakit berjangkit memang akan bertambah. Saya bercadang Kementerian ini memberi dengan lebih lanjut keterangan-keterangan berkenaan dengan penyakit semacam ini untuk makluman rakyat.

Tuan Pengerusi, di bawah B.24, Butiran 1100, Aktiviti (I)- Pentadbiran Am. Saya ingin mendesak di sini berkenaan dengan terlalu banyaknya pertubuhan-pertubuhan untuk memajukan pertanian. Pertubuhan-pertubuhan yang saya rojokkan ialah seperti berikut FELDA, FELCRA, RISDA, FIMA, FAMA, LPN, LPP, MAJUTERNAK, MAJUJIKAN, MARDI dan lain-lain, yang mana ada beberapa pertubuhan di bawah Kementerian lain kadangkala aktiviti-aktiviti pertubuhan yang saya sebutkan tadi adalah duplication dan ini bermakna boleh jadi satu masalah yang boleh dielakkan. Untuk peruntukan ini, apabila kita menyediakan pelan induk dasar baru pertanian nasional kita mesti mengkaji semua fungsi-fungsi pertubuhan-pertubuhan yang saya sebutkan tadi untuk mengurangkan fungsi duplikasi dan menjadikannya lebih berkesan untuk mencapai matlamat dasar Ekonomi Baru iaitu membasmi kemiskinan di dalam sektor pertanian dan nelayan.

Tuan Pengerusi, apabila Pegawai-pegawai Pentadbiran Am, Kementerian Pertanian menyediakan pelan induk Dasar Baru Pertanian Nasional, saya harap mereka tidak akan lupa juga masalah-masalah petani-petani di sekeliling dan di dalam bandar yang juga harus mendapat bantuan-bantuan dari Kementerian Pertanian.

Mereka juga harus diberi peluang mendapat tanah dan subsidi untuk menjalankan tugas mereka di dalam sektor pertanian ini.

Tuan Pengerusi, mereka tidak ada cara lain untuk mencari nafkah apabila tanah-tanah yang mereka gunakan pada masa lebih satu jenerasi telah diambil balik oleh kerana pembangunan bandar.

Tuan Pengerusi, setakat ini sahajalah pandangan-pandangan saya terhadap peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini dan

sekali lagi saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang memberi peluang kepada saya membahaskan subject yang berkenaan.

3.41 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap atas Maksud B. 24, Butiran 1100. Aktiviti (2) (a) iaitu peruntukan berjumlah \$14, 564,500 diminta untuk tujuan pertanian.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dalam ucapannya ketika membentangkan belanjawan bagi Kementerian ini pada hari Jumaat yang lalu telah menghuraikan langkah-langkah bagi menambah pengeluaran bahan-bahan makanan dan meninggikan pendapatan petani-petani. Antara langkah-langkah tersebut termasuk memajukan kawasan-kawasan pertanian secara integrated dengan mengadakan keperluan infrastructure, perkhidmatan, kemudahan kredit benih, pemasaran, memproses serta kemudahan perairan dan pamaritan. Ini adalah suatu approach yang sudah pasti akan membawa suatu kesan yang amat besar bagi masa depan pertanian di negara ini. Saya berharap supaya approach seperti ini akan diperluas meliputi seluruh kawasan pertanian di negara kita pada masa akan datang.

Tuan Pengerusi, Pertanian adalah suatu lapangan yang amat kompleks dan memerlukan perancangan dan stateji yang teliti kalau kita mahu ia menjadi suatu sektor yang boleh memberi sumbangan yang bermakna Gross Domestic Product (GDP). Menurut angka tahun 1966 tenaga buruh dalam bidang pertanian di negara kita adalah 50% sementara sumbangan sektor ini kepada GDP ialah 20%. Kalau dilihat dari statistik ini bererti 50% tenaga buruh di luar bidang pertanian iaitu tenaga buruh dalam bidang perusahaan dan perkhidmatan berupaya memberi sumbangan yang lebih besar kepada GDP kita iaitu 71%. Namun demikian menurut laporan Bank Dunia tahun 1976 hampir tidak ada negara dalam dunia ini yang mengadakan pengeluaran pertanian yang seimbang dengan jumlah tenaga buruh dalam bidang pertanian kecuali 4 buah negara iaitu Amerika, Belanda, Australia dan United Kingdom. Kalau prestasi Malaysia ini

diletakkan di dalam konteks prestasi negara-negara dunia seluruhnya, sektor pertanian kita tidaklah begitu buruk malah lebih baik daripada setengah-setengah negara yang selama ini kita anggap lebih maju daripada kita.

Laporan Bank Dunia itu, ada menyebut betapa Malaysia antara tiga buah negara yang berpendapatan serdahana yang telah berjaya menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanannya melalui dasar-dasar tertentu seperti Dasar Penentuan Negara (Price Policy). Namun demikian, kita mestilah menambah tempoh pengeluaran bahan-bahan makanan untuk rakyat pada masa akan datang apa lagi mengingatkan bahawa Benua Asia dalam tahun 1985 akan menghadapi deficit atau kekurangan bahan-bahan makanan yang kian bertambah daripada 4.5% kepada 7.200 menurut projection Bank Dunia. Oleh yang demikian, saya berharap Yang Berhormat Menteri Pertanian tidak akan teragak-agak untuk meminta peruntukan tambahan yang lebih besar pada masa akan datang bagi dijadikan investment dalam usaha menambah pengeluaran bahan-bahan makanan.

Tuan Pengerusi, dalam hubungan ini, saya mengajak Yang Berhormat Menteri untuk memikirkan kemungkinan menanam bahan-bahan makanan kita secara besaran-besaran iaitu secara mengadakan estet. Mungkin barangkali perkara ini kita dapat usahakan untuk tanaman padi oleh kerana tidak apa kawasan yang cukup luas, yang cukup sesuai untuk tanaman tersebut tetapi saya percaya kita boleh menanam buah-buahan dan lain-lain jenis makanan dengan cara besar-besaran, dengan cara estet. Kalau kita boleh menanam getah, Kelapa sawit, koko, secara berestet, tentulah kita juga boleh menanam jagung, kacang tanah, buah-buahan seperti rambutan, mempelam, nangka atau papaya secara estet. Jenis sayur-sayuran juga patut diusahakan secara estet. saya yakin dengan mengadakan pertanian secara dalam bentuk seperti yang saya sebutkan tadi, lapangan pertanian di negara ini akan boleh dipermodenkan lebih cepat.

Sebagai permulaan pihak Kementerian ini bolehlah mengatur rancangan-rancangan dengan mengadakan tanah-tanah yang tidak

diusahakan oleh orang-orang kampung, iaitu seperti langkah yang telah dan sedang dibuat oleh FELCRA bagi menanam getah dan kelapa sawit. Saya percaya tuan-tuan tanah yang terbiar itu akan menyambut baik langkah seperti ini seperti juga mereka menyambut baik usaha-usaha yang dijalankan oleh FELCRA. Dengan adanya rancangan-rancangan pertanian secara estet ini, saya percaya bukan sahaja bahan-bahan makanan akan dapat ditambah lebih banyak untuk consumption rakyat tetapi kelak akan lahir economic activity di kawasan-kawasan pedalaman, akan lahir nanti agro-based industry di kawasan luar bandar dan ini akan dapat menolong mengurangkan pengangguran di kawasan luar bandar.

Saya ingin beralih sekarang kepada B.24, Butiran 4100, Aktiviti (11) iaitu peruntukan sebanyak \$2.7 juta dan P.24, Butiran 4 peruntukan sebanyak \$7.8 juta yang diminta untuk majuternak. Saya amat gembira melihat MAJUTERNAK telah mencapai tingkat kemajuan yang memuaskan sejak ia ditubuhkan selain daripada berusaha untuk membanyakkan bekalan daging sejajar dengan dasar self-sufficiency, agensi ini juga sedang berusaha menambah pengeluaran susu menjadi sejuta gelen setahun di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya senang hati mendengar ucapan Yang Berhormat Menteri pada hari Jumaat lalu bahawa 5 lagi projek ternakan akan dibuka disamping itu MAJUTERNAK juga bercadang untuk menubuhkan sebuah loji susu yang juga antara lain, akan menampung ikut menolong memproses susu keluaran penternak-penternak kecil. Ini adalah sesuai dengan matlamat MAJUTERNAK iaitu mengusahakan projek-projek ternakannya sendiri dan juga sebagai ejen penggalakan kepada perusahaan ternakan di negeri ini.

Tuan Pengerusi, perusahaan ternakan merupakan suatu perusahaan yang memerlukan modal yang besar iaitu capital intensive dan keuntungannya agak kecil dan lambat pula. Ia juga merupakan satu lapangan pertanian yang banyak menghadapi risiko. Dalam keadaan yang demikian adalah agak sukar untuk mengharapkan pihak-pihak swasta untuk melaburkan dalam bidang perusahaan ini. Sebagai sebuah agensi Kerajaan, MAJUTERNAK mestilah menjadi pelopor

dan mestilah bersedia memainkan peranannya untuk membantu penternak-penternak kecil terutama penternak-penternak kecil di kawasan luar bandar.

Dalam hubungan ini saya menarik perhatian Kementerian berkenaan tentang amalan ternakan secara tradisional yang dijalankan oleh orang-orang kampung secara turun-menurun. Saya rasa masanya sudah sampai untuk kita memikirkan bagaimana kita boleh menolong memodenkan ternakan tradisional itu supaya ia boleh menjadi satu perusahaan yang menguntungkan dan dapat pula memberi sumbangan kepada ekonomi moden negara kita.

Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya ditubuhkan suatu Sekim Ladang Ternakan Rakyat dengan orang-orang kampung bertindak sebagai pelabur dan MAJUTERNAK pula mengadakan expertise dan pengurusannya. Ladang yang saya cadangkan itu bolehlah ditubuhkan di ladang-ladang MAJUTERNAK yang ada sekarang yang saya tahu mempunyai keluasan yang cukup besar untuk menampung perkembangan pada masa akan datang.

Menurut cadangan ini orang-orang kampung yang mempunyai binatang-binatang ternakan dan sebagaimana yang kita maklum orang-orang kampung banyak mempunyai kerbau, lembu dan kambing dan sebagainya yang dipelihara secara tidak teratur, mereka boleh dipelawa menyerahkan sebahagian daripada ternakan mereka itu sebagai modal di dalam Sekim ini yang boleh dibentuk secara Syarikat Kerjasama atau Syarikat Tanggungan Berhad menurut mana yang lebih peraktikal.

Saya tidaklah bermaksud di sini untuk membuang masa Dewan yang mulia ini untuk menghuraikan dan menghujahkan faedah-faedah dan natijah-natijah yang boleh didapati dari Sekim seperti ini. Bagaimanapun patutlah saya menegaskan di sini tentang dua objektif utama yang dicapai sekali gus dengan sekiranya Sekim seperti ini dipersetujui dan dilaksanakan.

Yang pertama, menambah penyertaan masyarakat luarbandar di dalam sektor perusahaan moden sesuai dengan matlamat menyusun semula masyarakat dan kedua,

menolong mempercepatkan pencapaian matlamat MAJUTERNAK iaitu menambah pengeluaran daging dan susu secara commercial dan menjamin mutu yang tinggi bagi kedua-dua bahan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa cadangan saya ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang singkat oleh kerana MAJUTERNAK sendiri pada masa ini masih dalam peringkat konsolidasi dan oleh kerana MAJUTERNAK sendiri masih belum mencapai optima dalam operasinya. Dan juga kita perlulah membuat kajian yang teliti sebelum sesuatu sekim yang melibatkan rakyat ramai boleh dilaksanakan. Namun demikian, sekurang-kurangnya kita boleh menimbangkan kemungkinan memperluaskan scope bagi MAJUTERNAK supaya ia bukan sahaja memenuhi matlamat yang telah saya sebutkan tadi tetapi juga ikut membantu memainkan peranan yang lebih besar dalam kegiatan ekonomi negara dan membantu menambah pendapatan penduduk-penduduk luar bandar dan juga mengajak penglibatan mereka dalam perusahaan moden.

Saya percaya dan saya yakin MAJUTERNAK seperti juga lain-lain agensi Kerajaan tidak akan melepaskan peluang untuk ikut membantu pencapaian dasar induk negara iaitu Dasar Ekonomi Baru.

3.54 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, izinkan saya memberi sedikit pandangan terhadap ucapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan semasa membentangkan peruntukan untuk Kementerian Pertanian.

Yang pertama, suka saya merujuk kepada P.24 muka surat 168, Aktiviti (105) mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya memperhatikan bahawa Kementerian yang berkenaan bercadang membelanjakan \$10 juta untuk tahun hadapan untuk pembangunan di bawah Subject Parit dan Taliair bagi tujuan Rancangan Tebatan Banjir di Kuala Lumpur. Memandangkan kepada ini saya berharap peruntukan ini akan digunakan untuk melaksanakan program-program mencegah

banjir berjangka panjang dan juga berjangka pendek termasuk mengorek dan memperdalamkan dan meluaskan Sungai Batu, Sungai Bunus dan Sungai Gombak sebagai satu cara untuk mengatasi banjir di kawasan-kawasan rendah di Kuala Lumpur yang selalu dilanda oleh banjir khususnya di dalam musim hujan ini. Memandangkan kepada hakikat bahawa Kuala Lumpur selalu menghadapi banjir khususnya banjir kilat (flash floods) selepas hujan satu atau dua jam, perkara ini hendaklah diberi perhatian yang berat oleh Jabatan yang berkenaan.

Apabila berlakunya banjir di Kuala Lumpur iaitu bukan sahaja membawa kesesakan lalu-lintas tetapi juga menyebabkan banyak kesulitan di kawasan-kawasan rendah khususnya di kawasan-kawasan kediaman setinggan. Sebagai satu contohnya Kampong Kasipillai dan Bamboo Garden, di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur adalah tempat yang selalu dilanda oleh banjir setiap kali hujan. Banjir yang berlaku di tempat itu adalah disebabkan oleh Sungai Batu yang melepasi di tebingnya pada masa hujan lebat. Beberapa hari dahulu kita dapat melihat dalam suratkhbar tempatan bahawa banjir telahpun berlaku lagi di tempat-tempat itu.

Tuan Pengerusi, sebab utama banjir mudah berlaku di Kuala Lumpur ialah oleh kerana ketiga-tiga sungai yang mengalir melalui Bandaraya kita iaitu Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Bunus telah terkambus akibat hakisan tanah (silting caused by soil erosion). Oleh kerana penambusan telah berlaku, banjir tidak dapat dielakkan. Saya rasa kesal bahawa pada masa dua atau tiga tahun yang lalu perhatian serius tidak diberikan untuk mengorek dan mendalamkan dan juga meluaskan sungai-sungai itu.

Memandangkan kepada hakikat bahawa banjir sering berlaku di Kuala Lumpur di mana banyak kerosakan telah terjadi khususnya dalam musim hujan sekarang, saya berpendapat adalah perlu untuk mempercepatkan pelaksanaan langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi banjir itu. Pengumuman yang telah dibuat tidak lama dahulu bahawa ampangan akan dibina di atas sungai yang mengalir melalui Kuala Lumpur sebagai satu langkah untuk mencegah banjir di Bandaraya kita,

adalah satu langkah jangka panjang. Sungguhpun ini adalah wajar, tetapi rancangan ini akan memerlukan masa, memerlukan beberapa tahun sebelum projek ini dapat disiapkan dan tidak membawa kelegaan kepada mereka yang pada masa ini ada mengalami masalah-masalah banjir.

Seperti juga Rancangan Tebatan Banjir untuk Kuala Lumpur yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sungguhpun dialu-alukan tetapi inipun juga merupakan satu langkah jangka panjang yang akan memakan masa sebelum ia dapat dibina dan disiapkan.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada sebab-sebab itu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa semasa menunggu langkah-langkah jangka panjang dilaksanakan tindakan-tindakan sementara (temporary measures) yang tertentu hendaklah dan mestilah diambil untuk mengurangkan banjir di Bandaraya pada setiap kali hujan. Di sini saya ingin menggesa Jabatan Parit dan Taliair untuk menubuhkan satu pasukan Pencegah Banjir khas (anti-flood squad) yang terdiri daripada pekerja-pekerja dan penasihat-penasihat teknik daripada Jabatan yang berkenaan untuk sentiasa memeriksa pembedong-pembedong dan longkang-longkang yang penuh sesak dengan kekotoran sebagai satu langkah sementara untuk mengurangkan banjir sebelum sekiranya tebatan banjir dapat dilaksanakan. Sekiranya pasukan pencegah banjir khas ini telah ditubuhkan saya harap mereka sentiasa menjalankan tugas dan bukan ujud di dalam nama sahaja.

Tuan Pengerusi, Jabatan berkenaan patut juga mengambil langkah-langkah untuk mengorek memperdalamkan dan memperluaskan Sungai Batu dan Sungai Gombak supaya penempusan sungai itu dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin merujuk kepada Maksud P.24 juga dalam muka surat 173, Butiran 194—Penyiasatan Penyakit-penyakit. Atas perkara penyiasatan penyakit-penyakit, saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian berkenaan terhadap Penyakit Mulut dan Kuku yang berlaku baru-baru ini.

Semenjak penyakit ini berlaku sehingga sekarang lebihkurang 2,000 ekor binatang terdiri daripada lembu, kambing dan babi telah dimusnahkan dan kebanyakannya dari negeri Perak. Nampaknya keadaan adalah serius dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pihak Berkuasa yang telah bertindak untuk mencegah penyakit itu dari merebak. Sungguhpun saya menyokong tindakan ini yang telah diambil, tetapi saya berharap Kerajaan akan bersimpati dengan penternak-penternak yang berkenaan dan memberi wang pampasan yang adil dan cukup kepada mereka atas sebab-sebab ekonomi dan peri kemanusiaan.

Saya berpendapat bahawa kadar bayaran wang pampasan yang diperuntukkan sekarang iaitu \$1.20 sen sekati daging untuk lembu daging dan lembu susu yang mengidap penyakit itu adalah kurang sedikit dan tidak bermakna untuk mengganti rugi penternak-penternak yang telah begitu susah untuk memelihara ternakan mereka untuk mencari nafkah. Adalah dianggarkan bahawa setiap seorang penternak diperlukan mengambil masa lebih kurang 2 tahun atau lebih untuk memelihara ternakan mereka sehingga peringkat produktif dan memandangkan kepada ini saya berharap Kerajaan akan menentukan satu kadar pembayaran wang pampasan yang cukup adil kepada mereka.

Di sini saya suka mencadangkan bahawa Kerajaan patut menubuhkan satu tabung khas untuk menentukan bahawa wang pampasan yang adil dan cukup akan diberi kepada penternak-penternak yang ternakan-ternakan mereka telah dimusnahkan oleh kerana Penyakit Mulut dan Kuku. Juga saya hendak mencadangkan di sini bahawa Kementerian patut mengenakan kawalan yang lebih ketat terhadap pengimpot haiwan ke negeri kita khususnya terhadap penyeludupan haiwan ke negeri Malaysia dari negeri Thailand.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Perkara akhir yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai Maksud B.24 muka surat 157, Aktiviti (2) mengenai pertanian. Atas perkara ini saya rasa adalah mustahak bahawa Kerajaan akan mempastikan peruntukan

untuk tahun yang akan datang bukan sahaja dapat membawa perkembangan dan kemajuan kepada sektor pertanian bahkan juga dapat menentukan bahawa tanah yang terbiar di negara kita akan digunakan secara berguna untuk tujuan memesatkan perkembangan pertanian dan menambahkan pengeluaran makanan di negara kita.

Tuan pengerusi, Malaysia ialah sebuah negara pertanian dan adalah tidak benar bahawa negara kita tidak ada tanah yang sesuai untuk pertanian. Dalam Semenanjung Malaysia adalah dianggarkan bahawa terdapat lebihkurang 5 juta ekar tanah yang sesuai untuk pertanian tetapi masih belum digunakan. Mungkin Yang Berhormat Menteri berkenaan akan menjawab dan mengatakan bahawa perkara tanah ini adalah di luar bidang kuasa Kementeriannya. Tetapi saya rasa bukanlah satu perkara yang mustahil untuk Kementerian Pertanian berhubung dengan dan mendapat kerjasama daripada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk merumus dan melaksanakan satu sekim pembahagian tanah raksasa untuk tujuan memberikan tanah kepada petani-petani yang tidak bertanam untuk menambahkan pengeluaran makanan di negara kita. Kerajaan bukan sahaja patut membahagikan tanah kepada agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA dan FELCRA untuk kemajuan tanah, tetapi hendaklah juga memberi peluang kepada mereka yang mahu bertanam untuk menambahkan pengeluaran makanan. Dalam hal ini, kontek ini dan dalam cara ini Kerajaan bukan sahaja dapat membantu mengurangkan masa pengangguran tetapi juga membolehkan tanah-tanah terbiar dijadikan tempat produktif dari segi pembangunan pertanian.

4.07 ptg.

Puan Shariffah Dorah binti Mohammad (Semerah): Tuan Pengerusi, sebelum saya menyokong perbekalan bagi Kementerian Pertanian iaitu tujuan Kementerian Pertanian ialah merumus, merancang, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar pertanian bagi meninggikan taraf hidup petani-petani terutama yang tinggal di luarbandar.

Islam memandang bahawa pertanian dan penternakan itu adalah wajib yang mana

hasilnya dikenakan zakat, demi menegakkan keadilan sosial. Saya bangga bahawa Kementerian Pertanian menyahut seruan yang mulia ini dan cara-cara yang ditunjukkan oleh Islam ada dijalankan dengan baik. Di antara lain ialah menyediakan pasture dan padang ragut bagi binatang ternakan dengan erti-kata bahawa ianya tidaklah dipelihara sambil lewa sahaja. Pertanian bukan sahaja dapat meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar bahkan juga di dalam bandar. Umpamanya, Presiden Carter sendiri mendapat hasil daripada ladang kacang tanahnya sebanyak 2 juta dollar setahun. Jadi dia tidaklah mengharapkan elaunnya daripada kantung semata-mata.

Tuan Pengerusi, peruntukan perbekalan bagi Kementerian Pertanian ialah \$558,783,237. Jadi saya ingin menyentuh B.24, Kod 1100 Butiran 2 (a), muka surat 157.

Yang pertama, saya ingin menyentuh tentang penanaman tebu, saya percaya kos pengangkutan bagi gula mentah dari Australia sangat tinggi kerana gaji buruh bagi ladang-ladang tebu kalau dibandingkan dengan gaji buruh yang ada di Malaysia adalah sangat jauh bezanya, kerana buruh di Australia tentulah mendapat gaji \$30—\$45 sehari. Sudah sampailah masanya untuk kita membuka ladang tebu sendiri dengan menggunakan kos belanja pengangkutan yang terlalu banyak itu yang saya percaya tidak kurang daripada \$400,000 hingga \$500,000 setahun. Maka saya ingin mengesyorkan supaya penanaman tebu secara besar-besaran dimulakan di Malaysia ini. Daripada peruntukan itu katalah kita belikan 150,000 ekar tanah dan dibuat enam phase. Satu phase 25,000 ekar supaya tiap-tiap bulan boleh ditebang dan tidak putus pengeluaran. Di antara lain baja yang baik digunakan ialah seperti baja Isotope, Sekiranya kita kurang mengerti bolehlah kita jemput pakar daripada India yang mengenakan bayaran yang agak murah untuk menunjuk ajar kita cara-caranya.

Negara kita memerlukan berbagai-bagai jenis gula, gula batu, gula pasir, gula halus, gula sirap, gula kiub, (*brown sugar*) dan lain-lain lagi. Sungguhpun ladang tebu ada terdapat di Negeri Sembilan, Perlis, Perak,

Trengganu, dan Kelantan tetapi disebabkan tiada pasaran maka itulah sebabnya didapati tebu-tebu ini terbuang begitu sahaja. Mungkin harga pada sebatang hanya laku sebanyak 7 sen dan kepenatan mereka hanya sis-sia sahaja. Air tebu juga adalah sejenis minuman yang digemari di dalam negeri ini dan juga di Asia Barat, eloklah ditinkan dan diekspotkan dan di tiap-tiap tin itu hendaklah dituliskan di dalam bahasa Arab sebagaimana yang dibuat oleh Australia ketika mengekspot minyak sapi dan juga Quaker Oats dan juga cornflour. Semuanya ada ditulis beberapa resipi dalam bahasa Arab dan ini akan menarik mereka untuk membeli dan berkehendakkan yang lebih banyak.

Menyentuh P.24, Butiran 27—Soil dan Kemudahan-kemudahan Analisa yang mendapat peruntukan \$3,800,000 muka surat 165 iaitu Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia. Saya ingin menyarankan supaya tanah-tanah di negeri lain juga hendaklah dianalisa supaya bibit-bibit nenas yang ada di negeri Johor itu boleh pula diperluaskan tanamannya di kawasan baru oleh sebab pasaran kian meningkat. Pihak MARDI sayugia mengiatkan usahanya untuk mengetinkan air nenas, buah semangka, membuat jem nenas, jem betek untuk kegunaan dalam negeri dan keperluan ekspot. Timun-timun dijadikan acar (pickles) diekspot ke Asia Barat terutama di musim haji, dibuat dalam botol yang menarik sebagaimana contoh-contoh yang datang daripada negeri China yang ada dalam pasaran hari ini. Trade Mark juga hendaklah dibubuh perbuatan orang Islam supaya siapa-siapa yang meniru atau merompak cetak hendaklah ditangkap dan dihukum. Sekarang ini, Tuan Pengerusi, yang paling membuat duit ialah durian, harga meningkat hingga \$2.50 sekati timbang termasuk kulit dan bijinya. Kalau kita tanam beratus ribu ekar tentulah durian ini juga boleh diekspot setelah dijadikan lempuk dan lainnya termasuklah tempoyak dan rakyat Malaysia dapat menikmati buah yang digemari ini dengan harga yang murah.

Pada tahun 2,000 mungkin rakyat Malaysia meningkat di antara 22 hingga 25 juta, kalau tanaman ini sedikit hingga harganya akan naik \$4—\$5 sekati jadi macam mana hendak galakan rakyat makan buah tempatan. Mungkin juga akan menimbulkan

perkelahian hendak makan tidak dapat, hendak beli tidak mampu, anak di rumah menangis. Jadi apa helah kiranya ada lori mengangkut durian di waktu malam dia akan tahan dan menyekat di jalan, driver akan dipukul atau diikat dan lori muatan durian itu dibawa lari ketempat lain atau buah durian itu diturunkan. Ini adalah satu ramalan yang benar. Untuk mengelakkan perkara ini rancangan kemajuan tanah selain daripada tanaman getah dan kelapa sawit, tanaman koko dan durian juga hendaklah dipergiatkan.

Menyentuh koko. Malaysia sudah ada koko, gula dan pengeluaran susu yang banyak. Bijih timah juga ada untuk membuat pembalut, tidak ada satu pun yang kurang, yang kurang hanyalah ilmu pengetahuan. Maka eloklah Kementerian Pertanian merundingkan pakar-pakar bagi memulakan perusahaan membuat coklat, gula kopi, air koko untuk dibotol dan lainnya. Dan bagi kelapa juga boleh dibuat sejenis gula-gula yang disukai iaitu candy. Pisang juga adalah sejenis buah-buahan yang digemari di seluruh dunia, negara yang berjaya mengedarkan pisang ialah hanya Jamaica, itupun hanya satu dua jenis pisang sahaja. Negara kita mempunyai berbagai-bagai jenis pisang, maka kita harap usaha mengeksport akan dapat disegerakan selain daripada kerepek pisang manis dan masin.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada Maksud P.24, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Butiran 221, 222, 223 muka surat 174. Peruntukan Anggaran harga projek \$110,906,000 iaitu nelayan. Di kawasan saya Parit Kuda, Semerah, Batu Pahat terdapat 35 orang nelayan yang masih menggunakan perahu dan jentera, hanya dua buah bot terdapat menggunakan engin sangkut. Jetinya pun sudah usang dan uzur. Maka saya harap Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia akan memberikan tunjukajar dan bantuan kepada nelayan-nelayan ini. Pada masa ini mereka menangkap ikan cara lama maka terpaksa mereka mencari penghidupan dengan dua cara di darat dan di laut. Saya dapat tahu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah berkeberatan hendak memberikan bantuan kononnya kerana mereka ini tidak menjalankan usaha sepenuh masa. Bagaimanakah mereka dapat

menumpukan perhatian sepenuh masa ke laut selain daripada empat bulan musim tengkujuh, apakah mereka makan. Kalau berhutang sebanyak \$200 sebulan, empat bulan sudah \$800, siapakah yang akan menolong menjelaskan hutang mereka. Saya nampak mereka ini mempunyai minat untuk menangkap ikan, andainya bantuan dan digalakkan serta dorongan yang bersungguh-sungguh diberikan nescaya mereka ini akan menjadi nelayan yang berjaya.

Menyentuh P.24, Butiran 251—Projek Pemeliharaan Agar-agar di Sabah, muka surat 175. Peruntukannya saya nampak adalah besar iaitu \$2,255,000. Sekiranya agar-agar ini diusahakan oleh bumiputra adalah baik, tetapi saya khuatir usaha ini adalah dieksplotasi oleh Jepun. Kita berharap Kementerian Pertanian mengarahkan usahawan-usahawan Jepun itu mengajar kita bagaimana cara memproses agar-agar itu kerana harganya dalam pasaran sangat tinggi lebih kurang \$1.30 sen setahil. Begitu juga kayu bakau yang mana Jepun menggunakannya sebagai bahan kimia bagi menahan warna daripada luntur. Kesemuanya ini dibuat di negeri Jepun dan mereka langsung tidak mahu mengajar kita bagaimana cara-caranya.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Bekalan 24, Butiran 4—Lembaga Kemajuan Ternakan Negara dimuka surat 163. Peruntukan bagi kambing biri-biri saya nampak ada baik iaitu \$1,300,000 dan penternakan kambing biri-biri ini memanglah mempunyai potensi yang baik. Pembaikan yang mempunyai harapan untuk mendapatkan pasaran yang baik ialah kambing biri-biri kerana seekor biri-biri akan beranak dua ekor tiap-tiap enam bulan, bererti setahun empat ekor dan tidak cerewet membelanya seperti ayam dan kerana membela ayam memerlukan lampu, kelambu, makan siang malam, juga berkehendakan makanan yang harganya pun sangat mahal hingga berbelas ringgit sekampit (satu bag) manakala kambing biri-biri hanya memerlukan rumput. Kalau kita ada 20 ekor maknanya kita dapat 80 ekor anak dalam setahun dan dalam 1½ tahun anak yang 80 ekor itu sudah beranak lagi dan lebih besar daripada compound interest, saya harap ini bukannya angan-angan Mat Jenin.

Sebab itu Islam menggalakkan ternakan di antara lain ialah kambing. Kambing biri-biri tidak memerlukan asap kerana bulunya sudah cukup tebal berlainan dengan kambing betul atau kambing biasa tidak tahan kena hujan dan apakala kena sakit kembung tidak ada harapan diubat atau dirawat lagi. Jadi saya ingin mencadangkan kepada MAJUTERNAK supaya membawa masuk biri-biri iaitu tiap-tiap 10 ekor biri-biri betina hanya memerlukan satu biri-biri jantan. Sebanyak 10,000 ekor itu dibahagikan pada tiap-tiap satu state dan dijual kepada orang kampung yang berkehendakkanya. Biri-biri daripada Australia ini sekiranya ada raja atau bossnya sangatlah mudah, dia akan patuh dan mengikut sahaja gembalanya ke mana dia pergi. Orang-orang India tidak gemar daging lembu kerana dianggap binatang suci dan binatang persembahan, maka mereka ini gemar pada daging kambing. Musim wabak sakit kuku bagi lembu sekarang kita tidak ada alternatif lain melainkan makan daging ayam sahaja. Kambing tidak ada dalam pasaran kerana kambing tidak banyak dipelihara. Oleh sebab itu satu jenis ternakan yang mempunyai potensi yang baik haruslah diberikan galakan dan perhatian. Selain daripada itu juga yang harus diberi perhatian ialah rusa, dagingnya juga digemari, kerana seekor rusa beratnya ialah sepikul, tanduknya selain daripada boleh dibuat penyangkut pakaian, topi dan songkok, juga kata orang boleh dibuat ubat penyakit sopak, tanduk itu dibakar dicelup dengan cuka dan digosok pada tempat yang kena sopak itu.

P.24, Butiran 176 (i) dan (ii) Rancangan Perkembangan Perusahaan Ayam, tetapi saya tidak nampak itek. Di negara kita Malaysia yang kita cintai terdapat sawah-sawah yang luas, tanah-tanah paya yang rendah. Di kawasan-kawasan ini sangatlah elok dan bagus jika dipelihara itek. Itek memerlukan makanan sisa-sisa ikan dan ikan-ikan kecil yang tidak berharga direbus dalam kawah dan dicampur dengan makanan ayam, diletak dalam palong yang panjang supaya itek-itek itu boleh pergi menyudu. Cukup umur 2 bulan bolehlah dilepaskan itek-itek ini ke sawah padi untuk mandi-manda dan menangkap belalang-belalang yang mengganggu sawah padi. Apakala itek ini umurnya 6 bulan dia akan bertelur dan dia akan bertelur di waktu

malam, lepas pukul 7 pagi dia tidak akan bertelur lagi. Itek ini bertelur sepanjang masa sehingga 2 tahun, lepas itu ia akan pencen (*Ketawa*). Itek-itek pencen itu bolehlah ditolak kepada restoran-restoran di mana ianya adalah daging yang digemari oleh orang-orang China dan juga untuk makanan dan untuk sembahyang. Telur-telur yang dipungut harian ini kalau 1,000 ekor kita boleh dapat 800 biji telur sehari dengan syarat diberi makan dengan kenyang, lagipun itek betina boleh bertelur sekalipun tidak ada itek jantan. Selama ini kita hanya mengimpot telur masin daripada negeri China yang mana terdapat dalam pasaran 3 biji \$1 dan telur masin ini sangat digemari oleh semua bangsa. Orang sakit dapat makan bubur dengan telur masin pun boleh keluar peluh dan boleh kebah. Berjalan mengembara pun biasanya orang bawa bekal telur masin, jadi sudah sampai masanya kita boleh menternak itek dan diberi kepada petani-petani sekurang-kurangnya 300 ekor manakala seorang taukeh China memelihara sehingga 2,000 ekor bagi seorang. Jadi telur-telur itu setelah dimasin, dimasukkan dalam kotak plastik yang cantik dan menarik dan diekspot.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh P.24, Butiran 92, dan 93, muka surat 167. Rancangan Parit mendapat peruntukan \$14,342,683; Taliair \$5,264,449; Mencegah Banjir \$3,445,080; anggaran harga projek \$23,052,212. Di kawasan saya Peserai, Semerah, Batu Pahat pada masa dahulu tanaman kelapa, kopi adalah sangat memuaskan dan mendapatkan hasil yang baik tetapi pada masa ini oleh sebab taliair dan perparitan sudah rosak dan tidak berjalan dengan baik maka penduduk-penduduk di kawasan itu telah merasa putus asa dan hampa maka mereka sudah enggan hendak bercucuk tanam. Maka saya harap Kementerian Pertanian akan memberikan perhatian dan pandangan yang berat terhadap kawasan perparitan Peserai yang mana mereka semua berkata kalau kawasan perparitan Peserai ini diperbaiki, insya Allah dia tidak akan minta apa-apa lagi dan pilihanraya akan datangpun kita tidak perlu bimbang.

P.24, Butiran 265, 268, 269—muka surat 176. 265—Kemajuan Masyarakat \$7,044,000; 268—Khutub-khanah Luar Bandar hanya mendapat peruntukan \$684,000; 269—Taman

Bimbingan Kanak-kanak \$210,000; 270—Pusat Kegiatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) \$962,000. Maka saya berpendapat peruntukan Pembangunan Kemajuan Masyarakat sebanyak \$9 juta itu adalah tidak mencukupi dan sayugia ditambah lagi.

Kemajuan Masyarakat banyak memberikan kerjasama terhadap pilihanraya. Andainya KEMAS itu dibiayai dengan secukup-cukupnya ianya adalah sebuah jentera yang penting dan efektif bagi memberi kejayaan kepada pemerintahan yang ada. Saya berani meramalkan dengan diperkuatkan lagi kedudukan KEMAS itu dalam masa pilihanraya yang akan datang khususnya di kawasan luar bandar, kita akan memenangi banyak kerusi tanpa bertanding. Bukan tanpa bertanding cara pondan sebagaimana yang diistilahkan oleh Tan Sri Menteri Besar Johor, iaitu dengan sebab silap mengisi borang tetapi menang tak bertanding secara gentleman kerana rakyat gembira dan puas hati dengan kecekapan dan baiknya pentadbiran pemerintahan yang ada.

Saya juga menyentuh peruntukan perpustakaan atau khutub-khanah di luar bandar sebanyak \$684,000. Saya mohon ditambahkan peruntukannya menjadi \$1 juta memandangkan harga-harga buku bacaan adalah sangat mahal dan tidak mampu dibeli oleh pelajar-pelajar yang tinggal di luar bandar. Tidak hairanlah kalau peratus kelulusan tahun yang lalu bagi STP merosot sebanyak 20%. Syarat asasi bagi kelulusan STP dan HSC ialah kertas am yang mana calon-calon mestilah banyak membaca bahan-bahan luar daripada sukatan pelajaran. Saya dapati pejabat KEMAS sendiri pun tidak mempunyai perpustakaan yang lengkap. Saya mohon tiap-tiap pejabat KEMAS diberi peruntukan yang cukup bagi membiayai perpustakaan supaya di sini dapatlah rakyat di luar bandar membaca bahan-bahan yang diperlukan serta diadakan pegawai-pegawai khas bagi menjaga perpustakaan itu.

Pada satu masa dahulu juga saya dengar KEMAS ada mengadakan pelajaran dewasa, iaitu kelas mengajar bahasa Malaysia dan sekarang tidak kedengaran lagi sama ada hidup atau sudah mati. Selain daripada kelas mengajar Bahasa Malaysia saya juga ingin menyarankan supaya kelas-kelas dewasa

anjuran KEMAS ini diperluaskan pengajarannya di dalam berbagai-bagai bahasa yang lain seperti bahasa Perancis kerana kalau kita pergi ke Eropah, bahasa Inggeris tidak laku, semua orang hendak pakai bahasa Perancis dan juga Jerman kerana kita sekarang ada hubungan rapat dengan Jerman Barat yang mana kita memerlukan banyak bahan-bahan teknologi daripada sana dan juga Jepun kerana kita banyak memerlukan bahan-bahan elektronik daripada sana. Dengan bertambahnya pelancung-pelancung mencurah-curah datang ke Malaysia maka guides kepada pelancung-pelancung yang semakin ramai itu sayugialah mengetahui bahasa-bahasa yang digunakan oleh para pelancung itu.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak yang hanya mendapat peruntukan \$210,000. Guru-guru kelas TADIKA, KEMAS diberi latihan yang cukup. Pusat Latihan di Trengganu dapat mengeluarkan guru-guru KEMAS yang baik dan berkebolehan. Pusat latihan ini ada diajar membuat sambal dari ikan bilis, udang kering dan daging, juga memperbuat berbagai-bagai jeruk dan halua daripada bahan-bahan tempatan. Usaha-usaha ini sayugia diberi lebih galakan kerana selain daripada memenuhi keperluan-keperluan negara juga untuk tujuan eksport. Umpamanya bakal-bakal haji atau pengembara-pengembara yang hendak ke negara Amerika, Eropah, Jepun, China dan Taiwan kadang-kadang tawar hati hendak ke sana mengenangkan kesukaran mendapatkan makanan yang diyakini halalnya maka sambal-sambal kering itu pasti akan dapat pasaran yang baik.

Selepas menjalani latihan di Trengganu mereka ini dihantar pula ke Kuala Lumpur menjalani satu peringkat latihan lagi bagi hendak berhadapan dengan kanak-kanak. Kita bangga dan mengalu-alukan langkah yang bijak dan baik ini dan perhatian yang lebih berat dan lebih serius hendaklah diberikan oleh Kementerian Pertanian terhadap tanggungjawab KEMAS itu sebagaimana pesanan Allahyarham Aminuddin Baki: Kekayaan negara bukannya terletak kepada bahan-bahan mentah seperti getah, bijih timah dan kelapa sawit tetapi yang

boleh menjamin dan mengawasi kekayaan ini terletak kepada anak-anak yang bakal memimpin, mengendali dan mentadbirkan kekayaan kurniaan Tuhan yang menjadi perhiasan dan ujian itu.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong Bekalan Belanjawan Kementerian Pertanian sebagaimana yang dianggarkan itu.

4.29 ptg.

Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya akan membah dalam Kementerian Pertanian ini bagi Maksud Bekalan 24 dan Pembangunan 24 bagi tahun 1979 ini didapati sebanyak \$185, 196,900 telah diperuntukkan. Daripada peruntukan ini bermakna pertambahan sebanyak \$13,429,700 adalah wajar sekali kerana kita merupakan sebuah negara pertanian yang mempunyai 90% rakyatnya miskin dan bergantung kepada pertanian. Peruntukan Kementerian Pertanian ini adalah sebenarnya pemberian kepada penduduk-penduduk luarbandar yang berada dalam keadaan kemiskinan itu perubahan serta permodenan sektor pertanian ini bermaknalah memodenkan cara hidup masyarakat tani yang sekian lama terbiar iaitu kira-kira beratus-beratus tahun di dalam masa pemerintahan penjajahan dahulu.

Bagi menyokong peruntukan ini, saya berseru kepada Kementerian Pertanian ini menggunakan peruntukan yang begitu banyak iaitu merupakan Kementerian yang kedua menerima peruntukan yang terbanyak ini selain daripada Kementerian Pelajaran, dengan tujuan supaya benar-benar disampaikan kepada rakyat luarbandar dan dapat dirasakan oleh rakyat tani. Tetapi faedahnya akan sama-sama kita rasai, iaitu oleh semua golongan rakyat di negara ini. Apabila naiknya pendapatan kaum tani maka dengan sendirinya golongan peniaga dalam sektor-sektor lain dalam bandar ini akan mendapat faedah, kerana semua hasil kegiatan ekonomi tani ini akhirnya akan tertumpu ke bandar juga.

Menyentuh kepada Maksud B.24 iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Apabila kita mencampurkan semua butir-butir ini iaitu Butiran 4100, Aktiviti (10)

Pengurusan dan juga Maksud P. 24, Butiran 6 dan juga Butiran 107—Rancangan-rancangan Taliair, Kemubu serta Butiran 111 di dalam kesemua Bekalan dan Pembangunan 24 ini, kita akan dapati bahawa KADA telah mendapat peruntukan sebanyak \$19,662,510. Dengan peruntukan pembangunan yang besar ini, saya rasa KADA tidak mempunyai masalah lagi dalam pembangunannya bagi tahun 1979 ini.

Menyentuh Butiran 107 sebanyak \$4.5 juta bagi Rancangan-rancangan Taliair Kemubu, saya berharap peruntukan ini akan diperuntukkan kepada 1,000 ekar tanah di kawasan Cherang Rotan iaitu di Pasir Puteh yang tidak dapat ditanam langsung, setelah diadakan Rancangan KADA ini. Apabila rancangan KADA ini dimulakan, kebanyakan sawah-sawah di kawasan KADA ini telah dapat ditanam dua kali setahun dan kawasan yang malang ini pada dahulunya dapat ditanam sebanyak sekali setahun tetapi sekarang ini tidak dapat ditanam langsung. Oleh itu, saya berharap peruntukan KADA yang sebanyak \$4.5 juta itu dipergunakan sedikit daripadanya untuk menggali parit bagi mengeluarkan air atau membuang air supaya kawasan 1,000 ekar lebih itu dapat sekurang-kurangnya ditanam sekali setahun.

Masalah kedua ialah masalah tuan-tuan tanah (landlords) yang kaya dan tidak mengerjakan tanah-tanah dalam kawasan KADA, menjadikan tanah tersebut ditumbuhi oleh pokok-pokok menerong yang tebal serta tinggalnya musuh-musuh yang ditakuti iaitu tikus. Tikus ini menjadi penghalang besar kepada petani-petani bagi mendapatkan hasil yang maksima dan banyak didapati padi yang dibuat di luar musim telah dimusnahkan oleh tikus. Oleh itu, dalam butiran 111 bagi mengadakan kemudahan tambahan di kawasan KADA atau peruntukan Butiran 1400 supaya diperuntukan bagi perbelanjaan operasi tikus seperti mana operasi tupai yang dijalankan di kampung-kampung.

Pihak petani dalam KADA, juga luar KADA telah bersungut tentang musuh tanaman "tikus" ini, tetapi malangnya peruntukan tidak ada, sama ada di dalam KADA mahu pun Pejabat Pertanian Daerah. Supaya operasi tikus ini dapat dijalankan

maka peruntukan yang khas patut diadakan di bawah perbelanjaan Butiran 4100 ini.

Saya telah mengikuti satu operasi membunuh tikus ini secara gotong-royong kira-kira tiga guni tikus telah didapati, malangnya tidak ada pasaran. Bagi mengatasi musuh tikus ini, saya mencadangkan beberapa perkara kepada pihak Kementerian dan juga KADA. Yang pertama, seperti yang saya sebutkan tadi iaitu mengadakan peruntukan khas bagi membasmi musuh tikus ini supaya gotong-royong oleh petani-petani dapat diadakan di semua kawasan dengan peruntukan yang diberi itu. Ini juga memerlukan peruntukan khas supaya pihak KADA dan pihak Pejabat Pertanian Daerah tidak berdehal bahawa mereka tidak ada peruntukan.

Yang kedua, membayar kepada petani-petani yang mendapat tikus dengan kadar 3 sen atau 5 sen seekor dengan menunjukkan ekornya. Ini satu cara menggalakkan petani-petani itu berusaha membunuh tikus setiap masa seperti mana juga operasi membunuh tupai.

Yang ketiga, pihak KADA mengambil alih tanah-tanah yang terbiar dan mengusahakannya untuk pertanian dengan membayar sedikit bayaran kepada tuan-tuan tanah yang tidak pedulikan tanahnya itu atau jika perlu diambil tindakan tegas mengadakan undang-undang bagi memaksa petani-petani atau tuan-tuan tanah yang membiarkan tanahnya, yang tidak diusahakan dalam kawasan KADA ini, kerana ini akan menimbulkan masalah iaitu menjadi tempat persembunyian musuh-musuh di tanah yang terbiar tadi. Mungkin pihak KADA akan menimbulkan kesulitan bagi menghubungi pihak tuan-tuan tanah yang kebanyakannya tidak duduk di dalam kawasan KADA itu, iaitu tinggal berjauhan. Tetapi walau bagaimanapun, ini mungkin dapat diatasi dengan melalui Pejabat Tanah di daerah tersebut.

Yang keempat, operasi menyembur racun di lubang-lubang yang dapat membunuh tikus daripada anak hingga ke cucunya. Ini perlu pihak KADA mempunyai pegawai dan kakitangan khas bagi menjalankan operasi ini.

Selain daripada itu, saya suka juga menyentuhkan di luar kawasan KADA. Setelah Rancangan KADA dijalankan, yang bernasib baik ada juga iaitu petani-petani di luar kawasan KADA ini dapat menanam dua kali setahun, tetapi mereka tidak membayar cukai taliair. Ini adalah tidak mengapa kerana sedikit sebanyak tidak membebankan dan tidak payah kita mempersoalkan kerana ini menguntungkan petani. Tetapi di luar kawasan KADA iaitu dipinggirnya dan yang malangnya apabila satu masa dahulu tanah ini dapat ditanam padi sekali setahun. Tanahnya sekarang ini telah menjadi tempat buang air bagi taliair itu—ini tidak termasuk kawasan yang saya sebutkan 1,000 ekar rancangan tadi. Jadi, tanah-tanah ini tidak dapat ditanam kerana airnya bertakung walaupun sekali setahun. Ada juga kawasan yang tanahnya menjadi kering tidak berair langsung; kerana taliair ini juga, tidak dapat ditanam padi walaupun sekali setahun. Oleh itu, bagi mendapat pembelaan sewajarnya kepada golongan petani itu supaya kawasan KADA ini dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan KADA ataupun memberi arahan kepada pihak Jabatan Pertanian Daerah supaya menitikberatkan masalah petani yang diluar kawasan KADA ini supaya sama-sama golongan petani ini dapat juga menikmati pertolongan daripada Kerajaan

Golongan yang kedua, ialah golongan nelayan. MAJUIKAN telah diperuntukan dalam Butiran 4100, Aktiviti (12) sebanyak \$6,685,300 bagi tahun hadapan dan dikira lebihnya ialah sebanyak \$971,400. Tetapi malangnya dalam P.24, Butiran (5), muka surat 163 bagi tahun 1979 ini didapati bahagian pembangunannya adalah kurang sebanyak \$20,428,138 berbanding dengan tahun 1978 apabila peruntukannya diberi sebanyak \$14,554, 500.

Peruntukan yang begini banyak kurangnya adalah membimbangkan kaum nelayan yang mungkin tidak mendapat pembelaan yang sepatutnya dan akan menjadi satu sebab atau satu dalih pihak-pihak yang lain ataupun pihak nelayan sendiri mengatakan mereka telah diketepikan. Untuk menubuhkan koperasi nelayan sebagai gabung daripada persatuan nelayan dan syarikat kerjasama adalah satu usaha yang baik dan memerlukan

kewangan yang lebih banyak. Oleh itu peruntukan pembangunan MAJUIKAN ini patut ditambah daripada apa yang diberi supaya perbezaannya jangan terlampau jauh daripada tahun 1978 dengan tahun 1979 sebagaimana yang telah diberikan peruntukan itu.

Menyentuh koperasi nelayan ini walaupun akan ditubuhkan bagi menjalankan kegiatannya, saya mencadangkan supaya pihak koperasi nelayan ini mengadakan satu pinjaman masa banjir atau masa nelayan tidak dapat ke laut, kerana golongan yang paling malang iaitu golongan "awak" (crews) yang paling ramai dan golongan inilah yang paling miskin dan mereka ini yang sebenarnya golongan nelayan. Golongan ini sentiasa terikat dengan taukeh-taukeh disebabkan kemudahan dan pinjaman yang diberi oleh taukeh-taukeh semasa mereka tidak dapat ke laut atau semasa mereka mendapat kesusahan. Jadi ikatan taukeh dengan mereka inilah yang merupakan satu halangan yang besar kepada kejayaan persatuan dan syarikat nelayan di masa yang lepas-lepas. Oleh itu, bagi menjayakan penubuhan koperasi nelayan yang akan ditubuhkan itu supaya dapat memainkan peranan yang penting bagi memberi pinjaman dan kemudahan kepada golongan nelayan yang miskin ini.

Menyentuh subsidi kepada kaum nelayan bagi mendapatkan enjin dan juga pukot mengikut P.24, Aktiviti (5) diperuntukan \$12,694,200. Ini bertambah sebanyak \$4 juta lebih. Pemberian ini adalah tidak bermakna dan tidak memberi pembelaan apa-apa kepada kaum nelayan yang saya sebutkan tadi. Pemberian ini hanya akan dapat dirasai atau dimiliki oleh satu golongan nelayan yang tidak pernah ke laut iaitu golongan taukeh yang semata-mata dapat menambah pendapatannya ataupun kekayaannya ataupun dapat menyenangkan lagi mereka yang telah senang. Misalnya subsidi enjin sebanyak \$10 ribu atau \$15 ribu diberikan kepada satu kumpulan atau kepada seorang nelayan golongan awak-awak itu. Nelayan itu tidak akan dapat mengadakan motor bot yang bernilai sekurang-kurangnya memerlukan wang sebanyak \$15 ribu atau \$20 ribu lagi. Walaupun Bank Pertanian atau Bank lain dapat memberi pinjaman tetapi pengurusan dan pengetahuan awak-awak ini tidak dapat

menjalankan penyelenggaraannya. Begitulah juga pemberian pukot-pukot yang tidak memberi kemudahan kepada awak-awak yang miskin tadi. Akibatnya subsidi enjin dan pukot ini diberi kepada golongan nelayan yang berada yang cerdik dan pandai, tetapi nelayan yang sebenarnya masih berada di dalam keadaan miskin dan masih hidup ditahap yang lama juga. Oleh itu saya mencadangkan subsidi enjin, pukot atau motor bot diberi kepada koperasi nelayan yang akan mendapat nasihat dan pengurusan daripada pegawai koperasi nelayan yang akan ditubuhkan itu.

Saya suka juga menyentuh mengenai soal kedai runcit yang dijalankan oleh MAJUIKAN. Di dalam peruntukan ini maka didapati kedai runcit sekarang ini berjalan tidak begitu sempurna dan harus dikaji semula supaya benar-benar memberi faedah, kerana kita dapati kedai runcit menjual barang-barang di dalam tin dan pakaian-pakaian yang disediakan kepada kaum nelayan dan juga kepada isteri kaum nelayan itu tidak sesuai langsung sehinggakan tidak laku dijual barang-barang tersebut. Kerana kebanyakan pakaian-pakaiannya, kalau hendak ditunjukkan, kadang-kadang baju perempuan itu tali sahaja yang ada. Jadi kalau hendak dikatakan sesuai atau tidak kepada kaum nelayan, saya tidak tahulah, dan banyak lagi pakaian seperti seluar yang dibekalkan dalam kedai MAJUIKAN itu tidak pernah ditengok dan tidak pernah dipakai oleh kaum nelayan. Begitu juga barang-barang dalam tin yang dibekalkan itu tidak disukai oleh kaum nelayan, kerana kaum nelayan, lebih suka memakan barang-barang runcit biasa, kerana lauk ikannya telah ada dan sayur-syuran juga mereka dapat menanam sendiri. Pembekalan yang tidak mengikut kehendak nelayan, tidak sesuai diadakan di kedai-kedai MAJUIKAN, Ianya hendaklah diadakan jenis makanan secara masyarakat melayu yang biasa makan disediakan di kedai MAJUIKAN itu.

Selain dari itu, banyak barang-barang kekurangan di kedai MAJUIKAN itu, apabila dipesan oleh pihak nelayan, barang-barang itu lambat sampai sehingga dua tiga bulan. Kerana maklum sahajalah, kadang-kadang kedai itu kehabisan bekalan makanan, misalnya kopi atau gula, pihak penjual itu tidak dapat membekalkan kepada kaum

nelayan dengan segara. Ini disebabkan mungkin juga pihak penjual itu tidak diperuntukkan wang yang banyak.

Saya mendengar wang yang diadakan sebanyak \$300 untuk pusingan membeli barang tambahan seperti yang saya sebutkan tadi. Ini adalah tidak mencukupi bagi menampung keperluan nelayan bagi memajukan atau bagi menjual barang-barang kepada kaum nelayan di tempat-tempat yang terpencil. Jadi tidaklah akan mencapai matlamat untuk dinikmati oleh semua kaum nelayan dan juga memajukan kedai itu, maka saya berharaplah kedai-kedai runcit yang dibuat oleh MAJUIKAN ini juga menyediakan peralatan-peralatan perikanan yang diadakan itu hendaklah dikaji semula supaya tidak menjadi sebagaimana kedai-kedai yang telah dijalkan oleh badan-badan yang hidup segan mati tak mahu, kerana kekurangan barang. Kalau ada barang pun, saya contohkan PERNAS-EDAR barang-barangnya merupakan barang-barang lama. Kalau satu tin, susu cap junjung juga, tetapi pekatnya lebih daripada susu yang dibeli dari kedai-kedai lain. Jadi biarlah kedai nelayan ini maju maka saya syorkan menjual barang-barang yang baru dan berada di dalam keadaan yang baik bukan daripada barang-barang yang lama, walaupun benda itu mempunyai mutu atau trade mark yang sama. Sekian sahaja, terima kasih.

4.48 ptg.

Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya hanya mengambil bahagian di dalam empat butiran sahaja.

Pertama B.24, muka surat 157, Butiran 1100 yang bertajuk Gaji dan Upahan atau bilangan jawatan.

Pada pandangan saya secara teliti di dalam peruntukan yang diperangkakan oleh Kementerian ini bercadang atau merangka pertambahan perjawatan sebanyak 1,077 lebih dari tahun 1978.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian ini kerana bercadang menambahkan perjawatan sebegini banyak. Dengan ini mungkin satu azam yang baik bagi menjayakan pertanian moden di negara ini.

Walau bagaimanapun, saya mempunyai keraguan dan kebimbangan dalam hal mengisi perjawatan ini, kerana sepanjang persidangan ini, banyak benar dipersoalkan lambatnya pengisian jawatan-jawatan yang masih kosong dan kita harap Kementerian Pertanian tidak terlibat dengan kisah lambatnya pengisian jawatan-jawatan yang diperlukan itu demi kepentingan pertanian moden di negara ini. Kita suka mengesyorkan di sini dalam mengisi perjawatan-perjawatan ini, masalah kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai yang sedia ada hendaklah diberi keutamaan, kerana dari segi pertanian ini, kemahiran adalah satu perkara yang mustahak, bukan sahaja akademik pegawai-pegawai yang berkenaan, apatah pula pegawai-pegawai yang sedia ada telahpun mempunyai akademik yang diperlukan. Oleh itu, jawatan-jawatan penting yang baru berhubung dengan pengalaman adalah amat baik dinaikkan pangkat mereka yang menjadi pegawai yang sedia ada pada hari ini. Sekiranya tidak ada pegawai-pegawai yang merupakan kepakaran di dalam satu-satu perjawatan baru, maka Kementerian ini adalah amat baik mengambil berat dan merundingkan kepada negara-negara sahabat yang mana negara-negara mereka mempunyai mutu yang tinggi di bidang pertanian. Mudah-mudahan dengan cara ini, negara kita akan mendapat nikmat daripada kepakaran rakyat dalam negara-negara sahabat kita yang sanggup memberikan bantuan tenaga kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, keduanya B.24, muka surat 158, Butiran 1300 yang bertajuk Tambahan Kos Kakitangan, dalam Aktiviti (2)(a)—Pertanian. Kita perhatikan pada tahun 1978 ada peruntukan 469,700 tetapi pada tahun 1979 dicadangkan 411,600 ini bererti kekurangan 58,100...

Tuan Pengerusi: Saya minta Ahli Yang Berhormat berhenti sebentar. Angka itu bukannya 469,700 ataupun 411,600; baca betul-betul, \$469,700.

Tuan Abdul Shukor bin Haji Siraj: Saya hendak baca macam itu, Tuan Pengerusi, Peruntukan bagi tahun 1978 ialah \$469,700 tetapi peruntukan bagi tahun 1979 \$411,600. Ini bererti berkurangan \$58,100. Memandangkan kekurangan yang dilakukan sama ada disengajakan atau tidak disengajakan ini

menunjukkan satu keraguan timbul di Kementerian ini dalam masalah pelaksanaan apabila sampai masanya kekal. Kita bimbang dengan adanya kekurangan ini, mungkin cita-cita kita bagi menjayakan pertanian moden di negara ini agak kurang pesat bergerak. Oleh itu kiranya perlu Kementerian ini adalah amat baik mengkaji semula dan memohon tambahan dari semasa ke semasa. Saya sebagai seorang Ahli Dewan ini adalah mengharapkan Kementerian ini mendapat tambahan peruntukan dari segi ini supaya hasrat negara dapat tercapai dengan jayanya.

Aktiviti (3)—Sumber-sumber Alam, Ceraian (a)—Perikanan. Bagi tahun 1978, peruntukannya \$93,890 manakala tahun 1979 peruntukannya \$343,110. Ini bermakna bertambah \$249,220. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian ini, kerana betul-betul bercadang ingin menjayakan bahagian perikanan ini supaya mencapai kepada matlamat yang maksima. Tetapi dalam melaksanakan hasrat itu, saya sukacita mengingatkan kerana Bahagian Perikanan ini memang menghadapi masalah yang besar dalam negara ini. Sebagai contoh di pantai Negeri Selangor sahaja ada beribu-ribu buah bot pukut tunda yang tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian ini. Sebahagian daripada bot-bot tersebut tidak langsung mempunyai lesen dan permit bagi mengendalikan perusahaan tersebut. Setelah dikaji secara tidak langsung, saya dapati ada di antara mereka yang telah membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan usaha pukut tunda ini, tetapi oleh sebab permohonan mereka itu tidak mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian ini maka permohonan mereka tidak berjaya. Walau bagaimanapun, nelayan-nelayan ini terus menjalankan usahanya kerana itulah cara mereka mencari makan. Oleh itu, kita sukacita menyatakan kepada Kementerian ini apakah patut dibuat dalam masalah ini. Mudah-mudahan dengan peruntukan yang bertambah begitu rupa, insya Allah perkara ini dapat diambil perhatian oleh Kementerian ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri yang bijaksana dalam hal ini.

Yang ketiga, B.24, muka surat 160, Butiran 2700 yang bertajuk Bekalan dan Bahan-bahan, bagi semua Aktiviti yang diuntukkan

bertambah \$509,400 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1978. Dengan adanya pertambahan Bahagian Bekalan dan Bahan-bahan ini, adalah patut diberi perhatian kepada jabatan-jabatan yang menggunakan jengkaut yang telah begitu lama. Satu daripada contohnya di kawasan Parlimen Tanjong Karang ada beberapa buah jentera yang dinamakan Jengkaut itu banyak perbelanjaan memperbaikinya, jika hendak dibeli baru kepada jentera yang begitu. Ini perlulah Kementerian ini memberikan sedikit perhatian supaya dapat diganti dengan alat-alat baru yang sesuai bagi menjayakan hasrat negara untuk memodenkan pertanian dalam negara ini.

Selain daripada itu Kementerian ini sendiri adalah perlu benar menyediakan alat-alat penting untuk kelengkapan Kementerian tersebut, kerana rakyat daripada Perlis hingga ke Sabah memerlukan tenaga Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan juga pegawai-pegawai pentingnya untuk melihat sendiri kawasan-kawasan berkenaan. Kita sedia maklum, kalau menggunakan kapalterbang biasa tentulah susah menjelajah di merata-rata dalam kawasan pertanian. Oleh itu saya sukacita mencadangkan supaya Kementerian yang penting ini yang mana sebahagian besar rakyat negara ini bergantung kepada pertanian bersedia membelikan sekurang-kurangnya sebuah helikopter untuk bergerak dengan pantas dan tangkas.

Selain daripada itu helikopter ini juga boleh digunakan bagi mengatasi masalah-masalah yang menimpa kepada rakyat yang menjadi petani. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Tanjong Karang baharu-baharu ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang baik hati telah datang di kawasan itu dengan bantuan daripada beberapa swasta menyewa sebuah helikopter dan Timbalan Menteri itu sendiri meracun padi-padi yang diserang oleh Bena Perang ini. Alhamdulillah hasilnya adalah baik. Jadi, kalaulah Kementerian ini ada helikopter sendiri, bertindak lebih selalu lagi. Saya fikir Bena Perang ini akan hapus dalam negara ini, begitu juga musuh-musuh yang lain. Selain daripada mengatasi musuh tanaman, boleh juga helikopter itu digunakan bagi mengawasi nelayan-nelayan yang karam dan berbagai-bagai kemalangan di laut untuk memberi pertolongan, tidaklah payah memohon kepada lain-lain Kementerian.

Yang keempat, ialah Maksud P.24, muka surat 170, Butiran 134—Projek Pembangunan Pertanian Barat Laut Selangor. Saya sebagai seorang rakyat yang datang dari kawasan yang berkenaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian ini, kerana telah merancang projek ini diadakan di kawasan tersebut dengan perancangan yang begitu baik dan teliti sekali. Walau bagaimanapun, saya sukacita mengingatkan Kementerian ini supaya tidak berlaku perkara-perkara seperti yang telah berlaku tujuh, lapan atau sepuluh tahun yang silam. Saya rasa perlu saya menyatakan dengan tegas di sini bahawa pada masa itu ada kunci air dibuat di tengah daratan sehingga hari ini kunci air tersebut tidak langsung digunakan. Ini saya anggap membazir, kerana tidak ada langsung digunakan. Dan ada pula rancangan taliair hendak dibuat dicangkul oleh jengkaut hanya beberapa rantai sahaja dan ditinggalkan dia seperti kolam yang usang dan kita tidak tahu untuk apa digunakan kolam yang digali dengan jengkaut yang dirancang daripada asalnya ialah untuk jadi parit atau taliair. Hari ini kita tidak tahu hendak mengatakan parit yang mana ulu, yang mana hilir, kerana dia merupakan kolam, begitu juga tidak digunakan untuk apa-apa. Ini berpunca daripada perancangan yang tidak teliti dan pelaksanaan yang tidak berjaya. Oleh sebab itu, kita mengharapkan Kementerian ini dalam melaksanakan Projek Pembangunan Pertanian Barat Laut Selangor ini supaya betul-betul dikaji dengan teliti dan dilaksanakan dengan seberapa cepat yang baik agar perkara-perkara yang tidak diingini itu tidak berlaku.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, kerana saya amat puas hati dengan segala rancangan yang diatur oleh Kementerian ini, maka dengan segala sukacita saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini diluluskan.

5.04 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Pengerusi, saya bangun turut sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyokong di atas cadangan Yang Berhormat Menteri Pertanian di atas Anggaran Belanjaan yang dikemukakan yang berjumlah \$558,783,237 berbanding dengan

\$552,818,000 pada tahun 1978 yang mana bertambah sebanyak \$5,964,822.

Di sini saya ingin menyentuh dua tiga perkara sahaja yang saya fikirkan perlu yang sebahagiannya belum disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain iaitu berhubung dengan B.24, Butiran 1100, Aktiviti (2) (b) yang mana belanja yang dikehendaki ialah sebanyak \$5,621,550 dan jawatan yang dikehendaki pun nampaknya bertambah daripada 1,429 orang kepada 1,635 orang.

Tuan Pengerusi, apa yang saya harapkan dari pertambahannya belanja bekalan dan jawatan-jawatan yang dicadangkan ini ialah dapat kiranya pihak JPT—Jabatan Parit dan Taliair—membaiki lagi parit-parit dan taliair khususnya di luar bandar yang mana selalu sangat dialami oleh petani-petani kecil di kampung-kampung terutama sekali di musim hujan. Oleh kerana di setengah-setengah daerah seperti di daerah saya di Kota Tinggi, Johor masih terdapat sistem pentadbiran JPT ini cara lama, maka saya cadangkan dan saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam tahun 1979 akan datang supaya dapat diberi perhatian khususnya saya cadangkan supaya JPT tidak lagi seperti yang ada sekarang. Maksudnya yang ada sekarang JPT daerah tidak ada dibekalkan dengan jurutera yang mana apa yang saya tahu seorang pegawai, pegawai itulah untuk duduk di pejabat dan pegawai itu juga turun mneyiasat parit dan taliair. Jadi, saya mengharapkan satu perubahan besar hendaklah dilakukan khususnya di kawasan saya yang selalu dilanda banjir. JPT hendaklah juga diadakan seorang jurutera, kalau dapat jurutera kanan, yang pakar dan mahir dalam bidang-bidang perparitan.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan juga mulai tahun 1979 yang akan datang ini di setiap daerah banyak lagi ditambah pegawai-pegawai terutama sekali di Daerah Kota Tinggi yang mana kawasannya sedang membangun pada masa ini dan memerlukan banyak parit dan taliair yang perlu dibersihkan lebih-lebih lagi kawasan Kota Tinggi ini kawasan yang begitu rendah yang memerlukan perparitan yang baik untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir pada tiap-tiap tahun. Dan sebagaimana pandangan salah seorang Ahli Yang

Berhormat tadi, kalau perlu saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian kita membawa jurutera-jurutera yang mahir bukan sahaja daripada negara-negara jiran, bahkan kita minta daripada negara-negara Eropah yang biasa dengan parit dan taliair ini seperti jurutera-jurutera daripada negeri Belanda.

Tuan Pengerusi, yang kedua saya ingin menyentuh Maksud P. 24, Butiran 5— Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Apa yang saya ikuti dari buku Anggaran Belanjawan tahunan 1979 bahawa keutamaan akan diberi atas pembinaan kompleks perikanan, pelabuhan perikatan, jeti, kelengkapan, penguatkuasaan, pusat-pusat penyelidikan dan pusat-pusat penetasan udang galah. Selain dari itu dicadangkan juga bantuan yang lebih banyak diberi kepada nelayan-nelayan untuk mendapatkan enjin dan pukot dan tidak kurang juga pentingnya ialah usaha-usaha kawalan dan menambah rondaan di laut untuk mencegah penangkapan ikan secara haram.

Tuan Pengerusi, melalui peruntukan yang agak besar ini, sukakah saya mencadangkan supaya satu pelabuhan pendaratan ikan hendaklah didirikan dengan seberapa segera terutama di Daerah Tanjong Lembu, Kota Tinggi, dan yang kedua di Daerah Kecil Penggang. Kedua-duanya di Kota Tinggi. Yang sebenarnya, pelabuhan pendaratan ikan ini telahpun dijanjikan oleh seorang Menteri pada masa yang lalu yang saya difahamkan tidak kurang daripada \$15 juta dicadangkan untuk mengadakan pelabuhan pendaratan ikan di Tanjong Lembu, tetapi malangnya sehingga hari ini belum ada apa-apa projek itu dijalankan lagi.

Tuan Pengerusi, sehingga hari ini segala hasil laut di sebelah Kota Tinggi sana adalah dimonopoli; saya berani mengistilahkan perkataan dimonopoli oleh beberapa orang taukeh-taukeh ikan sahaja yang mana ikan-ikan terus dihantar ke Singapura melalui Pasar Lelong Johor Bahru.

Tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah penduduk-penduduk tempatan di Kota Tinggi tidak merasa ikan yang baik, sedangkan ikan itu ditangkap di daerah kita. Penduduk tempatan sendiri tidak dapat menikmati ikan yang baik, sebab semuanya dihantar ke Singapura dan mana ikan yang agak kurang

mutunya baru dijual di pasaran tempatan, itupun dengan harga yang tinggi.

Saya selalu membandingkan harga ikan di daerah saya sendiri dengan harga ikan yang dijual di pasar Kuala Lumpur umpamanya di Pasar Cow Kit Road. Ikan yang dijual di Kuala Lumpur ini adalah jauh lebih murah daripada ikan yang ditangkap sendiri di Kota Tinggi dan di jual di pasar Kota Tinggi adalah lebih mahal. Jadi saya harap pihak Kementerian akan dapat mengawasi perkara ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi iaitu mengenai sistem bantuan dan subsidi enjin dan pukot kepada nelayan-nelayan. Walaupun ada salah seorang daripada Ahli Yang Berhormat tadi menceritakan hal ini berlainan sedikit dengan keadaan di tempat saya. Apa yang saya saksikan dan yang saya dapat tahu selama ini bantuan enjin dan pukot adalah tidak kepada orang-orang atau nelayan-nelayan yang kaya atau puak-puak yang tertentu tetapi bantuan itu terus disalurkan kepada nelayan-nelayan yang miskin, yang benar-benar berkehendakkan bantuan enjin dan pukot. Cuma apa yang saya hendak sentuh di sini iaitu kalau boleh sistem subsidi enjin dan pukot ini saya minta, saya menarik perhatian Menteri yang berkenaan supaya sistem ini diubah. Maksud saya kalau dahulu seseorang yang dapat subsidi enjin tidak dibenarkan mendapat subsidi pukot. Jadi kalau dapat enjin-enjin sahaja, tidak ada pukot dan kalau dapat pukot pula tidak ada enjin. Sedangkan apa yang kita tahu nelayan kita hari ini di negara kita ini memang nelayan yang miskin, tidak ada nelayan yang kaya. Semua nelayan negeri ini berkehendakkan kepada bantuan.

Jadi apa yang saya hendak cadangkan serta menarik perhatian Menteri yang berkenaan eloklah tahun yang akan datang ini kita beri bantuan secukupnya kepada nelayan kita. Maknanya kita beri dia bantuan pukot dan kita beri dia bantuan enjin dan kalau boleh beri dia bantuan bot sekali. Tidak payah ramai yang dapat, asalkan pemberian kita itu atau subsidi kita itu benar-benar sempurna. Maknanya seorang nelayan yang miskin itu bila dia dapat bantuan enjin dapat pula bantuan pukot dan dapat pula bantuan bot, tentulah akan berubah kehidupannya. Kerana kehidupan nelayan kita hari ini saya tidak menafikan usaha-usaha Kerajaan khasnya

Kementerian yang berkenaan dengan mengadakan koperasi nelayan dan sebagainya, ini semuanya usaha untuk mengubah nasib nelayan, tetapi malangnya sehingga hari ini kebanyakan nasib nelayan-nelayan kita masih di kadar yang lama, belum berapa berubah lagi. Jadi saya harap mulai tahun hadapan ini dengan peruntukan yang lebih banyak akan dapat buat.

Berhubung dengan usaha-usaha kawalan dan rondaan di laut untuk mencegah penangkapan ikan secara haram. Maka saya mencadangkan supaya rondaan dapat dibuat lebih rapi lagi bukan sahaja bagi mencegah nelayan-nelayan asing masuk mencerooboh perairan Malaysia, bahkan juga bagi menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi mencadangkan Kementerian Pertanian mengadakan helikopter untuk melawat daripada satu ladang ke satu ladang, maka di sini saya mencadangkan bagi menjamin keadaan nelayan kita dan perairan kita dengan kerjasama, kalau boleh dengan Kementerian Pertahanan; eloklah diperbaharui, dimodenkan lagi kerana pencerobohan ini berlaku setiap masa, lebih-lebih di Pantai Timor, di pantai yang berlautkan Laut China Selatan, Johor termasuk Pahang, pencerobohan nelayan-nelayan luar ini terutama yang datang daripada Teluk Siam berlaku dalam masa 24 jam. Hari ini masih berlaku terutama sekali daerah kecil Pengerang. Memangnyanya pihak Kerajaan ada CF8 yang mengawas di sana, kalau tidak silap saya, tetapi tidak terkawal begitu luas. Sehingga banyak juga penceroboh-penceroboh terutama sekali daripada Siam dan yang kedua daripada nelayan Singapura sebab yang kita tahu Pulau Singapura ialah sebuah pulau tidak ada perairan, ke sana sedikit-Indonesia; ke sini sedikit-Malaysia. Jadi mereka terpaksa hidup dengan cara mencerooboh perairan kita.

Saya suka mencadangkan supaya perairan kita dikawal oleh pihak Kementerian Pertanian, Jabatan Perikanan umpamanya mengadakan helikopter untuk mengawal perairan kita kerana kita juga sebuah negara yang membangun dan kita meniru negar-negara yang lebih maju. Kalau negeri-negeri yang maju dapat mengadakan perkhidmatan yang begitu moden seperti kapal terbang dan helikopter, elok juga pihak Kementerian

Pertanian memikirkan dan menimbangkan dan kalau boleh dalam Mid-Term Review yang akan datang ini mintalah bantuan dan bekalan lebih banyak lagi untuk keperluan ini.

Untuk memberi peluang kepada saudara-saudara saya yang lain, Tuan Pengerusi, saya juga menyokong di atas Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.16 ptg.

Tuan Hashim bin Endut (Ulu Muda): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun pada petang yang mulia ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih khususnya kepada Menteri berkenaan iaitu Menteri Pertanian yang mana saya tengok di dalam laporan ini yang telahpun membentangkan sebanyak 27 muka. Inilah satu-satunya Kementerian yang betul-betul hendak tolong rakyat, hendak memberi makan zat protein melalui susu, daging dan sebagainya. Bukan itu sahaja, Menteri ini adalah seorang Menteri yang bijak, dipilihnya pula Timbalan Menterinya seorang gemuk dan seorang lagi kurus (*Ketawa*) dan duduk merekapun tidak duduk di tempat yang lama, pergi duduk di kiri kanan Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, inilah satu Kementerian yang saya agak sangat penting terutama sekali bagi mereka di dalam kawasan luar bandar. Kerana saya datang daripada negeri Kedah, negeri yang terkenal sebagai negeri jelapang padi, maka eloklah saya menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan padi.

Ingin saya merujuk kepada B.24 di bawah Butiran 2700, muka surat 160 iaitu berkenaan dengan bekalan dan bahan-bahan. Kita dapati Kementerian ini memang banyak telah memberi bahan-bahan berupa benih-benih baka baik, dawai mata punai, racun serangga, racun cendawan dan sebagainya. Tetapi cara pemberian sekarang, kalau boleh eloklah diperelokkan lagi sepertimana yang dieksperimen di tempat saya sendiri iaitu di Kampung Asam Jawa yang mana digunakan sepenuhnya Jawa tankuasa Kemajuan Kampung, diberinya bantuan melalui JKK seperti racun, cara bekerja dan sebagainya, bergotong-royong. Maka ini adalah satu cara

yang sangat berkesan, pada pandangan saya, dan kalau elok seluruh Malaysia biarlah ikut contoh yang dibuat di Kampung Asam Jawa, di dalam kawasan saya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya tengok daripada peruntukan Kementerian ini nampaknya Menteri ini betul bijak, di tambah lagi peruntukan daripada tahun sudah sebanyak lebih setengah million ringgit daripada peruntukan lama. Sebab itulah yang saya puji tadi Menteri ini bagus betul hendak menolong rakyat.

Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada P.24, Butiran 2, muka surat 163, berkenaan dengan Bank Pertanian. Saya juga turut bangga selain daripada bangunan-bangunan bank di seluruh ibukota di dalam negeri di Malaysia ini, saya baru tahu rupa-rupanya Bank Pertanian, bank yang dibanggakan oleh pak tani ada tersergam di ibukota negara Malaysia ini yang mana kalau kita tengok daripada bangunan itu kita tidak percaya bahawa bank itu akan memberi segala bantuan untuk memajukan pertanian di luar bandar. Dan saya yakin dan percaya Bank Pertanian ini akan memainkan peranan yang penting untuk memajukan rakyat dan sudah tentu dengan ada seorang doktor yang mengepalai Bank Pertanian ini maka sudah tentu bank ini akan berjalan dengan licin dan sempurna demi untuk memajukan rakyat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, merujuk saya kepada Butiran 3, P.24 juga dalam muka surat yang sama—Kemudahan-kemudahan MARDI. Saya ucapkan tahniah dan syabas di atas peranan yang dimainkan oleh MARDI selama ini. Kerana setahu saya dulu kita dapat satu ekar padi tidak sampai 300 gantang tetapi dengan adanya peranan yang dimainkan oleh MARDI di dalam siasatan, kajian dan sebagainya maka terdapat di dalam negeri Kedah setengah-setengah tempat 750 gantung pada satu ekar ada tempat-tempat yang lebih daripada 1,000 gantang. Dan jenis-jenis padi yang dikeluarkan oleh MARDI ini adalah yang bermutu baik. Saya harap, kalau boleh, satu hari nanti biarlah MARDI ini menyiasat dan membuat kajian supaya buah-buah padi itu boleh dijadikan besar, setidak-tidaknya supaya mendapat lebih banyak gantangnya.

Tuan Pengerusi, merujuk saya kepada Butiran 4, muka surat 163 juga berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Ternakan Negara. Peranan yang dimainkan oleh

ini adalah sangat penting dan sangat mustahak. Tetapi apa boleh buat satu bencana telah menimpa kita iaitu dengan tibanya Penyakit Kuku dan Mulut yang ditimpa kepada binatang-binatang yang ditenak oleh petani-petani kita. Sebab perkara ini saya dapati semalam angka telah diberikan oleh Menteri Pertanian hampir 2,000 ekor binatang-binatang ternakan telah dimusnahkan. Tindakan yang diambil oleh Kementerian ini telah pun disanjung tinggi oleh seluruh rakyat termasuk juga golongan daripada pembangkang yang mana kita dengar tadi Wakil dari Kuala Lumpur Bandar telah memuji tindakan Kerajaan itu, lazimnya jaranglah yang dibuat oleh Kerajaan ini dapat pujian daripada parti Pembangkang. Lazimnya selalu mereka membangkang. Tetapi di dalam tindakan Kementerian ini berkenaan dengan pemusnahan kerbau lembu ataupun binatang-binatang yang berpenyakit ini dapat pujian daripada parti Pembangkang. Tetapi Wakil tersebut berasa kesal kerana wang pampasan yang diberi itu tidak adil. Setahu saya Kerajaan telah pun membelanja hampir \$1 juta kerana memberi kepada penternak-penternak yang mana binatang-binatang mereka terpaksa dibunuh dan sebagainya. Tetapi wakil itu tidak sedar, sebelum Kerajaan kita dulu ujud maka binatang-binatang ini mati begitu sahaja. Tidak ada pampasan, tidak ada apa-apa diberi. Maka apa yang diberi oleh Kerajaan itu adalah satu perkara yang sangat adil dan sangat menasabah. Yang mendukacitakan, saya baru balik daripada Kedah semalam, ada parti-parti tertentu memainkan sentimen ke atas kejadian ini. Mereka menyatakan Kerajaan zalim sehingga membunuh kerbau lembu dan sebagainya. Tetapi mereka mendiamkan diri apabila babi di sebelah Ipoh dibunuh, mereka tidak kata apa-apa. Kalau kerbau lembu dibunuh di Kedah dan di Kelantan zalim dan sebagainya. Oleh yang demikian, saya berserulah kepada sahabat-sahabat saya daripada parti-parti tertentu supaya janganlah menggunakan perkara-perkara ini untuk mencari publisiti yang begitu mudah kerana penyakit ini adalah satu bencana yang menimpa kepada kita.

Tuan Pengerusi, sukacita saya merujuk kepada butiran 8 berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Peruntukan yang diberikan itu adalah satu

peruntukan yang pada pandangan saya sangat kecil. Kerana peranan yang dimainkan oleh MADA bukan untuk negeri Kedah semata-mata tetapi peranan yang dimainkan oleh MADA pada hari ini adalah satu peranan yang membanggakan negara kita sendiri. Dengan adanya MADA, KADA dan sebagainya kita menyelamatkan wang negara dari segi foreign exchange tidak kurang daripada \$350 juta tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu negeri Kedah sahaja boleh mengeluarkan 45% daripada keperluan negara dari segi berasnya. Maka sebab itulah peruntukan yang diberikan itu patutlah ditambah lagi kerana di dalam MADA sendiri saya dapati banyak masalah-masalah kerana dealing dengan pak tani ini banyak sangat masalahnya. Dan Tuhan pun beri jadi tanah itu tidak sama rata. Kalau kita tengok di dalam pelan sama rata tetapi di atas physicalnya, di atas tanah dibuat parit di sini tidak kena, di sana tidak kena, di sini tenggelam, di sini tidak ada air. Banyak sangat masalah. Oleh yang demikian saya merayulah kepada Menteri Pertanian, jikalau boleh apa juga yang diminta oleh MADA yang mana satu organisasi yang sangat teratur, sangat bijak pentadbirannya dari segi team work, itulah satu-satunya organisasi yang kita boleh buat contoh daripada mana-mana juga badan Kerajaan.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, oleh kerana MADA kalau tidak ada Ulu Muda, tidak ada MADA. Saya mintalah kepada Menteri berkenaan saya yang takung air di Ulu Muda. Saya yang beri air kepada mereka. Tetapi tempat saya tidak dapat nikmat daripada MADA. Oleh yang demikian, saya mintalah kepada Menteri kalaulah ada lain-lain cara bantuan kepada saya seperti lembu pawah dan sebagainya, berilah sebagai ganti, kerana saya takung air. Sayalah orang yang beri air kepada MADA ini.

Tuan Pengerusi, sukacita saya merujuk kepada Butiran 28, P.24—Memajukan Perkhidmatan Perkembangan dan Kemudahan-kemudahan yang jumlahnya \$12,141,800 adalah satu peruntukan yang sangat kurang. Kerana kemajuan perkhidmatan ini sangatlah mustahak kepada petani-petani kerana dari sini, kita berharap daripada peruntukan ini juga budak-budak yang keluar sekolah tidak jadi menganggur

dan sebagainya. Sekolah-sekolah pertanian patut dibesarkan lagi dan kita mengurangkan penghijrahan pemuda-pemuda dan belia-beliawanis daripada kampung datang ke bandar maka peruntukan ini kalau boleh patut ditambahkan lagi dan saya yakin dan percaya Menteri ini akan meminta lebih lagi tahun depan.

Tuan Pengerusi, apabila saya tinjau di dalam belanjawan ini saya rasa sungguh gembira kerana negeri Kedah dan negeri Trengganu dipilih sebagai negeri yang hendak cuba tanam rempah. Insya Allah dengan adanya rancangan hendak menanam rempah di bawah Butiran 36 dengan peruntukan yang berjumlah \$268,000 ini, kita yakin dan percaya rempah satu hari akan murah di negeri kita.

Tuan Pengerusi, merujuk saya kepada Butiran 73, P. 24 Rancangan-rancangan Taliair, Kedah dengan anggaran \$7.45 juta lebihkurang. Dengan adanya rancangan MADA satu malapetaka telah berlaku di negeri Kedah. Pak tani yang dahulu kurang air sekarang ini sudah banyak air pula. Tempat yang tidak ada air sudah ada air, tempat yang banyak air tidak ada air. Maka peruntukan yang begitu sedikit saya agak adalah sukar bagi JPT hendak menjalankan tugasnya kerana di dalam kawasan saya sendiri tidak kurang daripada 1,000 relong tanah bendang iaitu di Paya Kercut yang dahulunya jadi paya pada masa ini terlalu banyak air, kerana saluran-saluran air itu disekat oleh MADA; ada bannya ada sungainya maka tempat-tempat ini langsung banyak air. Tidak ada tempat hendak keluar air. Jadi peranan yang dimainkan oleh JPT Kedah ini, saya agak sangat perlu dan pegawai-pegawainya perlu ditambah. Tidak guna kita tambah wang ringgitnya dan pegawai-pegawainya tidak ditambah.

Tuan Pengerusi, Butiran 105 di bawah Maksud P. 24 peruntukan \$8 juta yang diberi kepada MADA adalah sangat sedikit dan saya harap pihak MADA daripada satu masa ke satu masa selalu berhubung dengan Kementerian berkenaan minta tambahan ini, kerana saya tahu benar masalah yang dihadapi oleh MADA adalah sangat kompleks dan sangat rumit.

Tuan Pengerusi, dengan adanya kemarau panjang, kita tidak boleh tanam padi dalam

musim yang lepas, maka pihak Kerajaan telah menambahkan peruntukkan iaitu memberi bantuan kemarau padi kerana petani-petani tidak boleh buat bendang. Jadi oleh kerana adanya bantuan yang berupa rancangan ternakan ayam yang mana banyak orang tidak suka, tetapi pada pandangan saya itu adalah satu rancangan yang baik. Pada masa menjalankan rancangan ini, banyak orang Kedah dapat ayam murah, maka mengikut Butiran 176 berkenaan dengan ternakan ayam ini, saya syorkan kepada Kementerian, patutlah diteruskan, walaupun bukan musim kemarau, projek ini patut diteruskan sebabnya:

Yang pertama, kita menggalakkan orang berternak ayam.

Yang kedua, daging ayam boleh dapat dengan murah.

Yang ketiga, kita mengurangkan belia dan beliawanis daripada kampung datang ke bandar kerana ada pekerjaan mereka.

Yang keempat, capital cost telahpun dibuat, kerana bangsalnya ada, makanannya ada, serba-serbinya ada, patutlah diteruskan.

Berkekaan ternakan ayam ini adalah satu rancangan yang sangat baik dan sangat bijak.

Tuan Pengerusi, oleh kerana saya pernah bekerja dengan JPT pada satu masa dahulu maka di bawah Butiran 193—Rumah-rumah Kakitangan (Staff Quarters). Staff quarters baik Jabatan Pertanian atau JPT, Jabatan Koperatif dan sebagainya, perlulah diberi perhatian istimewa kerana di kawasan desa, kemudahan-kemudahan tidak ada. Maka saya haraplah peruntukkan yang diberi itu, kalau boleh \$85,000 itu adalah sangat sedikit, kerana keseronokan pegawai hendak bekerja dengan dedikasi bergantung bagaimana tempat duduknya. Saya biasa menyewa rumah yang tidak ada telaga, tidak ada tandas dan sebagainya sebagai Inspektor DID kerana saya dihantar ke tempat yang begitu sulit, sukar mendapat kemudahan-kemudahan ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan pada tahun hadapan, kalau boleh ditambah lagi peruntukan ini. Elokkanlah quarters bagi pegawai-pegawai kita duduk selesa, maka senanglah mereka hendak membuat kerja.

Tuan Pengerusi, Butiran 226, muka surai 174—Perkhidmatan Perkembangan Perikanan (Fisheries Extension Services). Ini perlu saya sebutkan, kerana Kementerian ini memang sudah banyak memberi kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan kepada nelayan-nelayan. Tetapi saya menyeru kepada Kerajaan hari ini supaya pemberian kita itu biarlah berpatutan, kerana kebanyakan nelayan-nelayan kita sudah terikat, kalau kita kenal dengan petani, orang yang ada bendang dan padi kuncanya, maka nelayan-nelayan ini terkenal dengan ikan pikul mereka. Di dalam kampung-kampung nelayan, orang yang betul-betul mendapat manfaat daripada pertolongan ini ialah taukeh-taukeh, kapitalis-kapitalis semata-mata. Tiap-tiap kampung ada 5-6 orang, maka nelayan-nelayan ini selalu sesak dan susah, selalu ditimpa kemalangan, apabila ditimpa kemalangan, tidak ada tempat lain mereka pergi hanyalah kepada taukeh-taukeh ini. Kalau ada kematian maka kepada taukeh inilah mereka bergantung, hendak beli buku sekolah untuk anaknya terpaksa pergi kepada taukeh ini juga. Perkara ini perlu dikaji dan disiasat berapa banyak nelayan yang terlibat begini rupa yang tersangkut dengan ikan pikul mereka. Dan dengan cara ikan pikul inilah, bapa Menteri cuba hendak menurunkan harga ikan, sampai bila pun tidak turun, kerana kapitalis-kapitalis ini menggunakan segala tenaga itu, hendak naikkan harga ikan sehingga di pekan Alor Setar sendiripun tidak patut harga ikan kembong naik sampai \$1.50 sekati—itu adalah tidak menasabah kerana tempat mengeluarkan ikan daripada Kuala Kedah yang jauhnya tidak sampai 7 batu. Ini tidak lain dan tidak bukan kerana dimainkan oleh kapitalis-kapitalis yang berkenaan. Oleh yang demikian, segala pemberian dan bantuan yang diberi oleh Kementerian melalui Extension Services kepada nelayan ini perlu dikaji dan disiasat terlebih dahulu supaya pemberian kita itu lebih manfaat dan berguna kepada mereka.

Tuan Pengerusi, Butiran 266, di bawah peruntukkan Pekan Sehari sebanyak \$30,000 telah diperuntukkan. Saya datang daripada negeri Kedah, negeri Kedah memang terkenal dengan Pekan-pekan Sehari, sedangkan Pekan Rabu yang kita tengok tersergam di Alor Setar pada hari ini asalnya Pekan Sehari iaitu diniagakan hanya hari Rabu semata-mata. Mungkin kita berasa kagum, kerana kita

dapati Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pernah menjadi peniaga di Pekan Rabu, dia biasa jual goreng pisang, biasa jual kayu di dalam Pekan Rabu, maka peranan yang dimainkan oleh Pekan-pekan Sehari ini adalah penting. Dengan peruntukkan \$30,000 itu, saya yakin dan percaya ianya tidak mencukupi, kerana di negeri Kedah Pekan-pekan Sehari ini adalah memainkan peranan yang sangat penting bagi peniaga-peniaga bumiputra, iaitu bergerak dari satu hari ke satu hari, dari satu tempat ke satu tempat. Oleh yang demikian, saya mintalah dengan jasa baik bapa Menteri dan Timbalan Menteri supaya membanyakkan peruntukkan bagi Pekan Sehari, dan dengan yang demikian ia akan jadi macam Pekan Rabu pada hari ini yang tersergam dengan rumah batunya.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada MADA. Dengan adanya MADA maka bandar Alor Setar telahpun menjadi satu bandar yang ganjil di dalam Malaysia. Bandar Alor Setar sebelum ada MADA, kalau turun hujan setengah jam, tidak pernah tenggelam, tetapi dengan adanya MADA ini Bandar Alor Setar, apabila hujan setengah jam, keadaannya lebih dahsyat daripada Kuala Lumpur, semua jalan penuh air, kerana ini hasil kejayaan MADA maka Bandar Alor Setar selalu tenggelam. Saya difahamkan pada 3 atau 4-5 haribulan ini bapa Menteri akan pergi ke sana sendiri dan saya berdoa supaya hujan pada masa itu dan bapa Menteri bolehlah tengok sendiri bagaimana keadaan Bandar Alor Setar di tenggelami air seolah-olah Bandar Alor Setar itu bandar "Amsterdam" (*Ketawa*) lebih rendah daripada muka paras air MADA itu.

Tuan Pengerusi: Dia lebih rendah tetapi tidak tenggelam.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Pengerusi, oleh kerana ramai lagi rakan-rakan saya hendak bercakap pada petang ini, maka saya tidaklah hendak memanjangkan ucapan saya ini. Oleh yang demikian, saya dengan ini mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan semua kakitangan Kementerian Pertanian ini di atas susah payah mereka membentangkan

Belanjawan yang begitu rupa dan kalau boleh minta ditambah lagi pada tahun hadapan. Dengan ini, saya menyokong peruntukkan Belanjawan yang dibentangkan oleh Kementerian Pertanian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani. Sebelum meneruskan ucapan, pada pukul 6.00 petang ini, saya akan minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Jadi tolong ringkaskan supaya Ahli yang lain dapat bercakap.

5.40 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya sukalah menyokong Anggaran Belanja Kementerian Pertanian di samping menyentuh beberapa aspek.

Pertama B.24, Butiran 2200, muka surat 158, Aktiviti (3) Sumber-sumber Alam (a) Perikanan. Tuan Pengerusi, kedudukan sekarang ikan-ikan ditangkap di bawa ke kompleks-kompleks perikanan, misalnya di Kuala Trengganu kegiatan pengangkutan di Kuala Trengganu tidak dijalankan oleh pihak MAJUIKAN sendiri tetapi dijalankan oleh pihak-pihak swasta. Ini adalah satu punca meninggikan kos pengangkutan, khususnya harga ikan sendiri. Saya syorkan agar MAJUIKAN sendiri mengendalikan pengangkutan ini dari kompleks-kompleks perikanan ke pusat-pusat pemasaran seperti dijalankan oleh FELDA.

Tuan Pengerusi, menyentuh P.24, Butiran 5, muka surat 163. Mengikut anggaran yang telah diperuntukkan kepada MAJUIKAN adalah besar keutamaan projek-projek yang akan dijalankan adalah atas pembinaan kompleks-kompleks perikanan tetapi kita sedar kompleks perikanan di Kuala Muda dan juga di Sungai Acheh masih tidak dapat berjalan dengan baik. Ini mungkin disebabkan kurang siasatan awal sebelum pembinaan kompleks itu. Saya suka mencadangkan agar kajian menyeluruh dan mendalam patut dijalankan terlebih dahulu memandangkan perbelanjaan untuk satu-satu kompleks menelan belanja yang besar.

Tuan Pengerusi, menyentuh P.24, Butiran 73, 74—Taliair dan Parit-parit, muka surat 167. Sukalah saya menarik perhatian Kementerian Pertanian berkenaan dengan taliair dan

parit di luar kawasan MADA. Masih banyak lagi tanah-tanah sawah di kawasan luar MADA tidak dapat tanam dua kali seperti di Telok Wang, Sungai Pasir, Bukit Kechil, Serkam dan lain-lain daerah di negeri Kedah. Saya tujukan Teluk Wang, Bukit Kechil dan Sungai Pasir. Penduduk-penduduk di kawasan ini terlibat dengan air masin, maka sangat-sangat berharap kepada pemberian sebuah ban.

Tuan Pengerusi, Pegawai Parit dan Taliair telah beberapa kali pergi melihat, dialog lepas dialog telah diadakan tetapi ban untuk menahan air masin belum juga dapat dibina. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian yang bijaksana dapat apalah juga kiranya untuk memberi keutamaan bagi membina ban ini. Saya juga dapat tahu daripada Tuan Jurutera Parit dan Taliair yang pelan induk bagi ban ini sedang diselenggarakan. Saya harap dipercepatkan, mudah-mudahan dapatlah petani-petani di sini menikmati tanaman dua kali.

Tuan Pengerusi, menyentuh P.24, Butiran 175, 176 dan 179, muka surat 171 dan 172. Saya harap lebih banyak binatang ternak diberi kepada janda-janda kerana dalam perjumpaan dengan orang ramai terutama di kawasan luar bandar masalah binatang ternak seperti lembu, kerbau, ayam dan itek telah dibangkitkan. Selalunya pihak Kementerian dan Jabatan Pertanian beri ternakan-ternakan ini kepada Persatuan Peladang dan Persatuan-persatuan Belia, jarang diberi kepada perseorangan. Saya rasa binatang-binatang ternak seperti lembu, ayam, itek juga patut diberi kepada janda-janda yang suami mereka telah meninggal dunia. Suami mereka ini bukanlah kakitangan Kerajaan, jadi mereka tak adalah apa-apa saraan hidup, anak-anak ramai. Jadi berilah kepada mereka ini seperti anak ayam dan anak itek kerana baru sahaja Ahli Yang Berhormat dari Semerah telah menceritakan bagaimana senangnya untuk memelihara itek. Saya harap di kawasan-kawasan pertanian luar bandar ini masalah pemberian itek sangatlah ditunggu-tunggu kerana memelihara itek ini amatlah senang sebab banyak kawasan-kawasan padi, begitu juga lembu dan kerbau.

Tuan Pengerusi, menyentuh P.24, Butiran 221—Melatih nelayan-nelayan—muka surat

174. Saya rasa perkara ini amat penting kerana sekiranya nelayan itu cekap dan diberi alat-alat kemudahan yang cukup dan moden. Ini akan menambahkan hasil tangkapan ikan dan meninggikan taraf hidup nelayan itu sendiri tetapi apa yang saya lihat kelengkapan ini tidak memuaskan. Sebagai contoh, bot latihan perikanan di Seberang Takir di Kuala Trengganu tidak sesuai digunakan di perairan Laut China Selatan disebabkan bot itu di sebelah belakang tidak cukup lebar untuk memberi 'stability' kepada bot itu, patutlah pihak Kementerian atasi perkara ini.

Butiran 222, kedudukan harga ikan tinggi disebabkan hasil tangkapan tidak begitu banyak, ini pula disebabkan sumber ikan telah berkurangan di kawasan pantai disebabkan banyak pukuk-pukuk, bot-bot yang besar selalu melanda nelayan-nelayan kecil. Dengan ini saya syorkan kita patutlah menjelajah lebih jauh lagi ke lautan untuk menangkap ikan, tegasnya di sini kita patut melibatkan diri di dalam tangkapan ikan di lautan dalam (deep-sea fishing) secara lebih serius barulah agak saya harga ikan dapat diturunkan.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali ialah P.24, Butiran 296—Taman Bimbingan Kanak-kanak, muka surat 176. Kita semua bersetuju yang pelajaran adalah anak kunci bagi kejayaan dan kemajuan. Maka sudah wajar anak-anak yang berumur 5—6 tahun yang belum lagi masuk ke sekolah, patut diberi latihan supaya kanak-kanak ini gemar pergi ke sekolah, suka bercampur-gaul, berdisiplin dan hormat-menghormati kepada orang tua-tua dan juga ibubapa. Maka wang diperuntukkan sebanyak \$210,000 ini, pada pendapat saya, tidaklah mencukupi kerana kebanyakan Taman-taman Bimbingan Kanak-kanak di luar bandar yang saya maksudkan ini, bukan di bandar-bandar kalau kita bandingkan dengan Taman Bimbingan Kanak-kanak dalam bandar jauh sangat beza kerana di dalam bandar ini ada yuran-yuran yang tinggi, kemampuan ibubapa tetapi kalau kita bandingkan di dalam kawasan luar bandar petani-petani kita, nelayan-nelayan kita manalah ada wang untuk memberi kemudahan-kemudahan kepada anak-anak ataupun kepada taman-taman ini. Maka sudah patutlah Kementerian ini menambahkan lagi peruntukan supaya dapat diberi alatan, sungguhpun pada setengah

pendapat iaitu daripada pemaaju-pemaaju masyarakat yang mereka berkursus tidak begitu penting kepada kerusi meja tetapi mesti jugalah kita adakan kerusi-kerusi meja dan kalau tidak diberi kerusi-kerusi meja patutlah diberi tikar dan juga alat-alat permainan, begitu jugalah seperti jongkang-jongkit, apa-apa permainan yang digemari oleh kanak-kanak. Jadi saya suka mencadangkan agar diberi tambahan peruntukan supaya kanak-kanak di dalam Taman Bimbingan Kanak-kanak di luar bandar ini dapat juga bersuka ria bersama-sama kalau dibandingkan dengan kanak-kanak di dalam taman bimbingan yang dibiayai oleh swasta.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran ini dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan juga Kementeriannya.

Tuan Pengerusi: Ada 13 atau 14 minit lagi, saya beri ucapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Dungun; kalau boleh tinggalkan 5 minit untuk Ahli Yang Berhormat dari Beruas.

5.48 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya turut mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pertanian yang sedang menyediakan peruntukan Kementeriannya begitu baik sekali bagi tahun 1979 yang akan datang. Turut membahaskan peruntukan ini suka saya menyentuh P.24, Butiran 7—Lembaga Pertubuhan Peladang di mana Kementerian telah memperuntukkan sejumlah \$23,875,290. Saya mengesyorkan supaya peruntukan ini ditambah. Pada pendapat saya peruntukan ini perlu ditambah sebab sudah sampailah masanya Lembaga Pertubuhan Peladang khasnya ataupun Kementerian Pertanian amnya mengadakan satu sekim kredit memproses tapak pertanian.

Sekim ini perlu, Tuan Pengerusi, kerana sepanjang pelaksanaan perancangan pertanian di seluruh negara ini kita semuanya menerima kejayaan. Ada rancangan-rancangan yang telah kita rancangkan itu dan kita laksanakan tetapi kita bertemu dengan kegagalan. Walaupun kejayaan dan kegagalan itu semacam lumrah alam tetapi kita sebagai pengatur mestilah mengatur dengan sedemikian rupa. Maksud saya dalam kita

melaksanakan rancangan-rancangan kita itu pertanian padi umpamanya, tanah-tanah yang kita sediakan beribu-ribu ekar di seluruh negara ini untuk pertanian padi barangkali di Kedah dan di Kelantan sahaja yang banyak berjaya, tetapi kalau kita pergi ke Trengganu yang tidak kurang juga mempunyai tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian padi tetapi petani-petani di Trengganu bertemu dengan kegagalan. Kegagalan ini bukanlah disebabkan oleh tidak ada bantuan subsidi baja atau racun untuk hendak memperbaiki keadaan tanaman padi di Trengganu, tetapi disebabkan oleh banyak lagi petani-petani di Trengganu itu tradisional sifatnya. Tradisi saya sebutkan di sini, maksud saya ialah mereka tidak mempunyai alat-alat moden untuk memproses tanah-tanah mereka sebelum mereka bercucuk tanam. Itu yang saya maksudkan. Jadi, perkara-perkara yang hendak diproseskan itu ialah seumpama membuang tunggul-tunggul, mengalih batang-batang, menyodok (bulldoze) segala tanah-tanah yang tidak sesuai ditanami dengan tanaman padi itu. Dalam masalah ini petani-petani menghadapi kesukaran walaupun baja diberi, walaupun benih disubsidikan tetapi dalam masa hendak menyiapkan tapak tanah ini mereka gagal. Ini satu perkara. Jadi, saya cadangkan supaya LPP mengadakan satu sekim kredit memproses tanah pertanian ini dengan tujuan untuk memperbaiki lagi tanaman; padi di negeri-negeri yang menghadapi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi khususnya di Trengganu.

Selain daripada itu, saya mengesyorkan supaya LPP ini juga mengadakan satu Tabung Bakti. Dengan tujuan hendak memberi sagu hati ataupun imbuhan kepada petani-petani yang menghadapi kemalangan kerana petani-petani yang bekerja di ladang ataupun di hutan-hutan dan di huma-huma mereka expose sangat kepada kemalangan, kadangkadangkang terkena pisau, parang, macam-macam ceritanya dan petani-petani yang seperti ini perlu saya rasa diberi bantuan, mungkin juga ada dalam banyak kemalangan yang dihadapi oleh petani-petani ini membawa kehilangan jiwa. Jadi kepada keluarga-keluarga petani yang seperti ini saya rasa perlu diberi bantuan daripada Tabung Bakti tadi. Sebab itulah saya mencadangkan supaya peruntukan kepada Lembaga Pertubuhan Peladang ini ditambah.

Berbalik kepada B. 24, Butiran 1100-Gaji dan Upahan Aktiviti (3) (a) Perikanan, saya amatlah sukacita sekali kerana daripada peruntukan yang telah diperuntukkan sejumlah \$7,789,600 itu boleh kita menambakan lagi bilangan pegawai-pegawai di Kementerian ini, di Jabatan Perikanan khususnya. Oleh sebab kita banyak pegawai-pegawai pada tahun hadapan, saya mengesyorkan supaya Kementerian mengawasi betul-betul supaya perkara-perkara, perjalanan-perjalanan dalam Jabatan Perikanan dalam usaha memberi lesen pukat umpamanya supaya betul-betul berjalan kerana saya ada dengar bahawa lesen-lesen pukat ini juga diberi kepada orang-orang perempuan yang saya rasa sejauh mana kebenaran tetapi saya yakin perkara ini berlaku. Sejauh mana kebenarannya pegawai-pegawai yang akan datang inilah yang boleh menyasat dan kalau sudah berlaku, yang sudah itu sudah, dan insya Allah dengan pegawai yang bertambah itu di masa-masa yang akan datang perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, perkara yang dialami oleh nelayan-nelayan juga di bawah Jabatan Perikanan ini ialah masalah kualita ataupun muara. Masalah subsidi telah banyak disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tetapi masalah muara ini menjadi kesukaran juga kepada nelayan-nelayan untuk keluar ke laut. Kadang-kadang bila musim linang, musim baik, bukan musim tengkujuh muaranya elok tetapi pada musim tengkujuh yang seperti ini ombak besar itu sentiasa membawa pasir ke pantai dan bila tengkujuh tidak ada kualitanya ataupun muaranya sudah cetek. Ini menjadi satu kesukaran kepada nelayan-nelayan untuk ke laut. Jadi, saya mengesyorkan kepada Kementerian Pertanian di bawah Jabatan Perikanan khususnya yang mendapat peruntukan yang banyak untuk menambahkan pegawai ini supaya menubuhkan satu squad ataupun pasukan membersihkan muara-muara di seluruh negara ini.

Akhirnya, saya menyokong perbelanjaan yang diperuntukkan kepada Kementerian Pertanian sejumlah \$558,783,237 bagi tahun 1979 ini.

Tuan Pengerusi: Yang akhir, Ahli Yang Berhormat dari Beruas, lima minit sahaja.

5.57 ptg.

Tuan Ting Check Ming (Beruas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyenfuh Maksud B.24, Butiran 1100 di bawah Aktiviti (1) dan (2).

Tuan Pengerusi, kebanyakan tanah yang sesuai untuk penanam padi adalah Tanah Simpanan Melayu dan hanya boleh dimiliki oleh orang-orang Melayu, oleh itu kebanyakan petani di negara kita adalah Bumiputra.

Padi tidak pernah menjadi tanaman yang mendatangkan keuntungan kepada kaum tani kita. Ia adalah jenis tanaman tradisional. Hanya pada 8hb November, 1978 Yang Berhormat Menteri Pertanian kita berkata cara-cara bertani yang lama masih digunakan oleh kebanyakan petani. Akibatnya kadar penghasilannya adalah rendah.

Pertama, disebabkan oleh ada perwarisan seseorang petani itu mungkin mempunyai beberapa bidang tanah kecil yang berselerak di merata-rata tempat di dalam kampungnya. Menanam padi adalah kerja keluarga kerana keluarga petani itu biasanya besar dan bilangan orang yang bekerja di sawah tentulah besar juga. Akibatnya mereka tidak mempunyai pekerjaan yang cukup untuk menyara hidup mereka dan bila tibanya luar musim mereka terpaksa mengadai sawah mereka. Jadi petani kita tetap menjadi miskin.

Kedua, lebih separuh dari tanah pertanian di negara kita dikerjakan oleh petani-petani yang tidak bertanah. Tanah-tanah itu dimiliki oleh tuan-tuan tanah yang tidak bekerja langsung dan mereka itu mengutip sewa sehingga 50% daripada hasil yang dikeluarkan oleh tanah mereka itu. Misalnya seorang petani mungkin dapat mengeluarkan hasil tanaman bernilai \$200 sahaja, hasil kerja \$100 lagi pergi kepada tuan tanah. Setengahnya tuan tanah mengenakan duit kopi ke atas petani yang hendak menyewa tanah mereka. Petani-petani yang menyewa tanah daripada tuan-tuan tanah itu terpaksa membina sistem taliair dan membersihkan tanah itu untuk menanamnya. Biasanya mereka itu terpaksa meminjam daripada tuan-tuan tanah supaya mereka boleh memulakan kerja mereka, akibatnya mereka itu terpaksa menjual hasil tanaman mereka kepada tuan-tuan tanah dengan dengan harga yang tidak berpatutan.

Mereka itu tidak ada kuasa untuk tawar-menawar kerana tuan-tuan tanah itu mempunyai kuasa monopoli penuh sebagai pembeli. Keadaan buruk ini telah mewujudkan masalah kemiskinan dan menambah hutang piutang kaum tani kita. Kalaulah langkah positif tidak diambil oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, untuk menghapuskan penindasan tuan-tuan tanah dan peminjam wang ini, kaum tani kita akan terus menderita sehingga ke dunia akhirat.

Ketiga, dalam rancangan-rancangan di mana petani-petani mesti memasarkan hasil-hasil tanaman mereka kepada syarikat-syarikat kerjasama. Ada bukti yang menunjukkan bahawa hasil tanaman mereka tidak ditimbang dengan betul malahan harga pembelian mereka itu adalah lebih rendah daripada harga pembelian yang ditawarkan oleh pembeli-pembeli swasta, tetapi petani-petani itu tidak ada pilihan melainkan terpaksa menjualkan hasil mereka itu kepada syarikat-syarikat kerjasama itu. Maka wujudlah monopoli yang halal di samping menghapuskan cara-cara pertanian yang lama, saya mencadangkan langkah-langkah berikut:

Pertama, memberi tanah yang cukup kepada petani-petani supaya mereka dapat menanam banyak jenis tanaman termasuk di luar musim.

Kedua, membekalkan sistem taliair yang baik kepada petani-petani.

Ketiga, menghapuskan penindasan dari golongan tuan-tuan tanah supaya petani-petani tidak diperhambakan lagi (exploited).

Keempat, membeli hasil-hasil petani itu dengan harga yang berpatutan.

Kelima, mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengelakkan tanaman padi daripada dirosakkan oleh bencana alam.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.04 ptg.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas teguran-teguran, syor-syor yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap kemajuan Kementerian Pertanian.

Saya berasa sangat gembira dan berbesar hati terhadap pujian-pujian yang diberikan dan saya yakin perasaan yang ikhlas dari Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan merupakan satu perangsang kepada saya dan rakan-rakan saya serta pegawai-pegawai di Kementerian ini untuk melipatgandakan usaha dalam menjalankan kerja bagi Kementerian Pertanian ini. Seperti yang diketahui soal pertanian ini bukanlah suatu perkara yang senang, seperti yang saya katakan dalam ucapan saya pada hari Jumaat yang lalu, tugas kita di sini ialah terlalu expose kepada hawa. Kalau hujan berlebihan, kita bergaduh juga. Kalau tak ada hujan (drought), kita pun ditimpa kemalangan juga. Tetapi apa yang kami boleh buat di Kementerian ini ialah menjalankan segala tenaga dan usaha mengikut kebolehan kami untuk melaksanakan program-program demi kepentingan kaum tani, negara dan rakyat seluruhnya.

Kalau ada pihak yang menegur yang mengatakan ada kepala-kepala yang mendapat peruntukan kurang pada tahun ini, sukalah saya hendak sebutkan bahawa cara kita mengadakan peruntukan pada tahun ini ialah bergantung kepada performance. Ada di antara kepala-kepala itu kurang diberi peruntukan daripada tahun lalu. Ini bukan bermakna Kerajaan kita memandang rendah ataupun mengambil ringan dalam perkara ini, tetapi ialah disebabkan pada masa sekarang ini kita sedang mengkaji semula Rancangan Malaysia Ketiga dan saya suka memberi jaminan bahawa soal pertanian ini akan mendapat perhatian utama dan janganlah bimbang, jika ada peruntukan-peruntukan dibawah kepala-kepala tertentu dalam kementerian ini mendapat kecil peruntukannya daripada tahun yang lalu.

Saya rasa tak dapat saya menerangkan satu persatu kerana memandangkan masa yang pendek, tetapi saya akan ambil perkara-perkara yang agak penting dari segi hari ini dan bagi saya ucapan, teguran dan pandangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu merupakan satu panduan kepada kami semua, sungguhpun tak mungkin saya menjawab semuanya dalam Dewan ini, tetapi saya yakin bahawa pegawai-pegawai dan saya sendiri akan meneliti mana yang boleh kita jalankan, kita akan jalankan; dan mana yang kurang, kita tambah; mana yang tidak adil, kita adilkkan pemberiannya sama ada dari segi

subsidi, atau pun benih, ataupun racun serangga ataupun lawatan ke tempat masing-masing.

Ramai yang menyentuh soal penyakit mulut dan kuku ternakan. Ini satu kemalangan yang menimpa negara kita. Yang sebenarnya semenjak tahun 1969 negara kita bebas daripada menghadapi wabak penyakit ternakan ini, hanya timbul dalam tahun 1973 dan hanya sekejap dan tahun ini dapat kita selesaikan, dapat kita habiskan penyakit ini dalam masa 4 minggu sahaja, tetapi malangnya pada tahun ini penyakit ini menimpa negara kita dan agak berat sedikit yang berpunca daripada kawasan sempadan di Kelantan oleh kerana cara-cara pembawakan haiwan ini tak dapat kita kesan dengan cepat, maka penyakit ini telah meletus di Muar, tetapi nasib baik penyakit yang meletus di Muar itu, ternakan itu datang setempat dan dapat kita atasi dalam masa yang sesingkat-singkatnya. Dan pada hari ini keadaan di Muar bolehlah dikatakan bebas daripada penyakit mulut dan kuku haiwan itu. Malangnya di Ipoh, sungguhpun penyakit di Ipoh itu baru seminggu kita kesan, tetapi mengikut siasatan kita ia meletus hampir-hampir sama dengan kes di Muar. Bezanya haiwan yang dibawa ke Ipoh itu sebanyak lebih kurang 17 ekor daripada sempadan yang tidak tentu tempat-tempat yang dihantar seperti di Muar, kita hantarkan ke satu tempat sahaja untuk disembelih. Oleh kerana di Ipoh ternakan di sana bertaburan dalam bandar, maka bersemendalah ternakan di Ipoh itu dengan ternakan yang membawa penyakit dari sempadan. Maka didapati sebuah kampung di Ipoh itu satu tempat untuk orang membuang sampah (dumping area), di situlah ternakan di bandar Ipoh itu pergi makan, seperti kulit pisang atau pun rumput-rumput di situ. Bermakna bolehlah dikatakan sebahagian besar ternakan di Ipoh pergi ke dumping area ini untuk mencari makan.

Seperti yang kita tahu penyakit ini cepat sangat merebaknya. Apabila sebahagian kecil daripada ternakan yang berada di tempat makan itu mengidap penyakit ini, maka dengan sendirinya merebak kepada ternakan-ternakan yang lain yang ada di situ dengan cepatnya. Maka itulah kita dapati ternakan yang ada di Ipoh itu berjangkit kepada lebih kurang 650 ekor sekali gus. Inilah problem

yang sedang kita atasi. Untuk makluman Dewan, setakat ini ternakan yang telah dimusnahkan adalah seperti berikut:

KELANTAN :

Lembu	161 ekor
Kerbau	348 ekor
Kambing/Biri-biri	236 ekor
Jumlah compensation yang diberi:				\$526,000.

PERAK (IPOH):

Lembu	490 ekor
Babi	162 ekor
Kambing/Biri-biri	102 ekor
Jumlah compensation yang diberi:				\$228,483.

MUAR:

Sungguhpun telah tamat, tetapi jumlah yang berlaku ialah:

Lembu	20 ekor
Kerbau	60 ekor
Babi	97 ekor
Kambing	25 ekor
Jumlah compensation yang diberi				\$50,000.

Jadi semuanya setakat ini di seluruh negara ialah:

Lembu	1,471 ekor
Kerbau	364 ekor
Babi	259 ekor
Kambing/Biri-biri	363 ekor
Jumlah compensation yang diberi setakat ini				\$804,558.

Soal pemberian compensation yang sebenarnya sebahagian daripada lembu ini tak patut diberi, kerana kita dapati lembu ini diseludup masuk, tetapi oleh kerana sistem kita tiap-tiap seekor haiwan itu dimusnahkan, maka kita kena bayar compensation. Kerajaan kita terlalu serious dalam perkara ini dan akan menggunakan segala usaha yang boleh untuk mengatasi perkara-perkara yang menimpa kepada ternakan kita, kerana seperti yang kita ketahui ternakan haiwan ini adalah satu ternakan yang sedang maju. Kita mengeluarkan daging dan kita mengeluarkan

susu. Maka itulah sebabnya Kerajaan sedang mengambil berat dan tindakan yang sehebat-hebatnya untuk mengawal penyakit ini. Langkah yang sedang kita ambil atas perkara ini terbahagi kepada dua peringkat.

Yang pertama, kawasan yang telah kena penyakit ini dan mengikut langkah yang kita ambil ini, ada empat, iaitu memusnahkan semua ternakan yang sakit dan terlibat.

Yang kedua, membatalkan penyembelihan.

Yang Ketiga, membatalkan pemindahan ternakan.

Yang keempat, membatalkan penjualan daging.

Bagi kawasan yang di luar dari kawasan yang kena penyakit itu, langkah yang kita ambil ialah membatalkan penyembelihan, kecuali dengan kebenaran, membatalkan pemindahan, kecuali dengan kebenaran, dan kalau perlu mengikut keadaan, kita akan menjalankan cara penyucukan. Tetapi setakat ini, mengikut perhitungan pegawai-pegawai saya, cara penyucukan ini tidak akan dilaksanakan lagi tetapi satu kajian yang menyeluruh akan dibuat. Pada hari esok satu mesyuarat daripada pakar-pakar haiwan akan diadakan di pejabat saya untuk mengkaji dari semua aspek. Satu perkara yang membanggakan ialah mendapat kerjasama dari seluruh jentera Kerajaan untuk menyêkâ kawasan-kawasan sempadan itu daripada berlakunya lagi penyeludupan-penyeludupan ini. Tetapi apa yang saya harap kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan sempadan ini terutama sekali di Kelantan—maklumlah terlalu dekat, kalau tak dapat kerjasama daripada rakyat, maka susahlah hendak menyelesaikannya.

Ada didapati rakyat lebih suka menyimpan haiwan yang ada penyakit itu daripada mendapatkan compensation. Ini sudah berlaku seperti yang disebutkan tadi, dan sudah menjadi political issue. Di Kelantan misalnya, ada timbul perkataan mengatakan dahulu tak ada sistem bunuh binatang, tetapi sejak Kerajaan yang baru ini katanya, bunuh binatang. Tetapi soal compensation tidak ditimbulkan, walhal compensation ini kita beri mengikut nilai pasaran, tetapi compensation ini akan direview sama ada sesuai ataupun tidak ataupun misalnya kalau kita

musnahkan seekor lembu susu, maka ini merupakan satu kerugian kepada penternak dan ini juga perlu mendapat pertimbangan daripada pihak kami. Untuk maklumlah Dewan, satu kajian yang menyeluruh akan diadakan dan saya harap satu cara akan dapat diperbaiki lagi sistem kita mengawal penyakit kuku dan mulut di negara kita pada hari ini.

Yang kedua, ada yang menyebut dasar pertanian. Seperti yang saya sebutkan dalam ucapan saya pada hari Jumaat, sungguhpun pertanian kita maju, tetapi Kerajaan akan mengadakan satu dasar pertanian untuk menyelaraskan perkara-perkara yang agak berlapis dari satu Kementerian dengan Kementerian yang lain. Misalnya, daripada Kementerian ini dengan Kementerian Tanah ataupun Kementerian Perusahaan Utama ataupun daripada agro-based industry kepada industri yang besar. Ini juga akan dikaji di bawah penggubalan dasar pertanian ini. Ada yang menyentuh tentang duplication ataupun berlapis kerja-kerja dalam Kementerian ini. Kementerian Pertanian sedang mengkaji, misalnya tugas antara LPP dengan Jabatan Pertanian dengan FAMA. Ini juga sedang kami kaji kerana ketiga-tiga badan ini ada menjalankan pemasaran, ataupun pemberian subsidi input kepada kaum tani. Memang saya akui adanya pertelengkahan atau duplication daripada menjalankan tugas ini, tetapi suka saya memberi akuan bahawa Kementerian ini sedang mengkaji dengan sedalam-dalamnya supaya duplication ini dapat dikurangkan dan sebarang bantuan yang diberi kepada kaum tani itu benar-benar dapat kepada mereka.

Ada yang mengesyorkan soal menjalankan pertanian secara berestet. Inilah yang disebutkan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini apabila beliau mengemukakan Belanjawan antaranya;

“Adalah dicadangkan supaya diberi galakan di bawah Akta Galakan Pelaburan Tahun 1968 di dalam bentuk credit cukai pelaburan berjumlah sebanyak 50% daripada perbelanjaan modal yang dijayakan di atas pengeluaran makanan. Namun demikian, oleh kerana perbelanjaan modal di dalam sektor pertanian biasanya adalah lebih kecil berbanding dengan sektor pelanggan adalah perlu difikirkan satu konsep perbelanjaan modal yang dilayakkan dalam sektor pertanian”.

Ini akan diusahakan oleh Kementerian ini sesuai dengan ucapan Menteri Kewangan sebagai satu cara untuk menambahkan lagi pengeluaran makan di negara kita dan juga buah-buahan.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang menyebut soal koko. Koko adalah merupakan satu perusahaan yang sedang maju. Kepada Kementerian Pertanian, usaha ini ialah dijalankan sebagai satu usaha supplementary income atau usaha untuk memberikan tambahan mata pencarian kepada kaum tani, iaitu digalakkan kepada mereka yang ada kebun kelapa. Mengikut anggaran kita pada tahun 1970 misalnya di negara kita 19,000 ekar; tahun 1975 75,000 ekar dan kita harapkan dapat menanam pada tahun 1980 ataupun penghujung Rancangan Malaysia Ketiga lebih kurang sebahagian besar daripada 100,000 ekar tanaman kelapa yang disulami dengan tanaman koko bagi faedah pendapatan tambahan kepada kaum tani kita.

Dalam soal MADA, MADA seperti yang kita tahu baru lagi lepas mengalami kemarau tetapi syukur Alhamdulillah, kemarau itu telah dapat kita atasi.

Dari segi ternakan ayam ini akan diteruskan sebagai satu mata pencarian tambahan kepada penanam-penanam padi si di samping menanam padi dua kali setahun. Sukalah saya hendak umumkan di sini program kita untuk menanam tanaman luar musim (off-season) tahun depan barangkali sedang berjalan dengan baik kerana air dalam ampangan MUDA di sana nampaknya setakat ini sangat memuaskan dan mengikut angka yang diberikan kepada saya pagi tadi Ampangan PEDU pada hari ini ada 518,000 ekar kaki, MADA 45,000 ekar kaki, jumlah 563,000 ekar kaki yang ada kita simpan air dalam ampangan ini untuk menampung tanaman padi luar musim mulai bulan Januari ataupun Februari. Jadi, air yang kita perlukan untuk menampung ini lebih kurang 600,000 ekar kaki tetapi memandangkan cuaca, keadaan usaha mengadakan hujan tiruan ini, insya Allah pada mereka di sana tanaman padi luar musim pada tahun akan datang barangkali dapat kita jalankan, tidaklah terganggu seperti yang berlaku pada tahun ini.

Ada yang menyebutkan soal nelayan. Soal nelayan kita ini lebih kurang 74,000 orang

nelayan. Soal subsidi ini sedang saya kaji semula. Seluruh Kementerian sedang mengkaji soal subsidi enjin bot ini, tetapi kalau hendak katakan seorang dapat satu jenis sahaja barangkali tidak berapa kena. Ada seorang nelayan itu pukut pun dapat, enjin pun dapat, bermakna bukanlah seorang nelayan dapat satu jenis sahaja. Tetapi walau bagaimanapun, saya sendiri menyedari adanya kesusahan mereka, misalnya kita beri enjin dia tidak boleh menjagakan kulit bot, ini pun problem juga, tinggal lagi semuanya ini kalau kita bagi seorang seluruh 100% bermakna jumlah yang menerima itu kecil tetapi setakat hari ini perhitungan kita memberikan sedikit demi sedikit kepada mereka tetapi jumlahnya ramai. Walau bagaimanapun, saya sendiri sedang mengkaji sistem subsidi kepada nelayan ini dengan harapan dapat memperbaiki lagi sistem yang ada pada hari ini.

Menyentuh soal kapal terbang dan ronda lautan, hari ini pemikiran kita bukan lagi pada 12 batu pergi memancing ikan ataupun menangkap ikan. Dengan adanya pemikiran Kerajaan hari ini yang laut kita ini 200 batu economic zone, jadi pemikiran Kementerian Pertanian juga dalam soal perikanan ini meluas skopnya kepada 200 batu economic zone juga dan ini memerlukan berbagai-bagai pertimbangan bukan sahaja dari segi pemberian pertolongan kepada kaum nelayan tetapi soal yang penting adakah ikan di situ ataupun tidak, ini pun merupakan problem penting dan yang besar sekali ialah soal kawalan keselamatan. Maka ialah Kementerian ini sedang bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menggunakan dengan lebih pesat lagi Marine Police. Untuk membeli kapal terbang barangkali bukanlah tidak suka, tetapi maintenance sebuah kapal terbang bukanlah satu perkara yang kecil. Dan untuk hari ini Tentera Udara Di Raja pun memang memberikan kepada kami pertolongan-pertolongan kapal terbangnya seperti yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang tadi, ini pertolongan daripada Tentera Udara Di Raja kita untuk menyembur ubat bagi memusnahkan penyakit binatang Bena Perang yang berlaku di Tanjong Karang baru-baru ini. Jadi, soal Kementerian membeli kapal terbang barangkali tidak mungkinlah saya dapat timbangkan memandangkan

kepada ongkos yang tinggi bukan sahaja dari segi pembelian tetapi maintainancenya. Walau bagaimanapun, dari segi kawalan nelayan kita, Kementerian ini dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telahpun memutuskan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan membeli kapalterbang area surveillance untuk disokong oleh polis Merin bagi menjaga terutama sekali nelayan-nelayan kita daripada serangan-serangan lanun dan sebagainya.

Begitu juga dengan tanah-tanah terbiar, adalah diharapkan penyiasatan terhadap tanah sawah yang terbiar ini lebih kurang antara 450,000 kepada 500,000 ekar. Dan diharapkan apabila nyata ini keluar dapatlah juga dimasukkan cara-cara pelaksanaannya dalam dasar pertanian yang baru. Saya yakin akan dapat menolong kaum tani kita dalam usaha menjayakan tanah ini dengan menggunakan jentera. Saya bersetuju bukan senang hendak mengusahakan tanah yang sudah terbiar ini dan bagi Kementerian ini menerusi Jabatan Pertanian, menerusi Koperasi Peladang, maka kita menyediakan jentera-jentera di bawah program subsidi kita, misalnya jentera yang pertama di bawah Koperasi Peladang kita bagi percuma dan jentera yang kedua kena bayar 30% sebagainya. Inilah cara-cara bukan sahaja dari segi jentera tetapi juga dari segi input-input pertanian dan juga kredit-kredit di bawah Bank Pertanian yang kita berikan kepada kaum tani kita dengan harapan mereka itu dapat maju dari satu masa ke satu masa dan meninggikan taraf hidup mereka supaya setaraf dengan kaum-kaum yang lain.

Ada yang menyentuh soal banjir Kuala Lumpur. Pihak Kementerian ini memang ada rancangan-rancangan yang telah disediakan untuk mendalamkan sungai-sungai, mengorek sungai-sungai seperti yang disebutkan tadi iaitu Sungai Gombak, Sungai Kelang, Sungai Bunus dan sebagainya. Barangkali kalau kita pergi ke Circular Road kita nampak kerja-kerja ini sedang dijalankan tetapi pentadbiran ataupun pekerjaan ini dilaksanakan dengan Kerjasama Dewan Bandaraya. Sungai Bunut barangkali sedang didalamkan dan program-program ini dijalankan jangka panjang dan jangka pendek tinggal lagi hendak adakan special squad ini barangkali lebih sesuai kalau squad ini dijalankan oleh Bandaraya daripada Kementerian Pertanian kerana dari segi pentadbiran ibukota ini Bandaraya dan DID

ini sungguhpun dasarnya kita menjalankan tetapi pelaksanaannya di bawah Dewan Bandaraya juga. Walau bagaimanapun tidaklah dapat dinafikan usaha-usaha untuk mengelakkan banjir di ibukota kita ini sedang giat dijalankan termasuk barangkali kalau Yang Berhormat itu baca dalam akhbar-akhbar, saya ada keluaran kenyataan termasuk membina dam-dam bagi mengelakkan banjir dalam bandar Kuala Lumpur ini. Tinggal lagi banjir ini kadang-kadang itu susah kita hendak mencegahnya, dia datang mengikut keadaan masa dan cuaca, seberapa yang kita boleh semata-mata meringankan kesusahahan penduduk-penduduk sahaja.

Soal pukut tunda. Pukat tunda ini Kementerian Pertanian bukan tidak hendak beri tetapi penyakitnya dia tidak mengikut syarat. Yang susah pukut tunda ini, kita katakan 7 batu ke laut kerana ikan di situ dikhaskan kepada ikan lain daripada nelayan-nelayan kecil. Tetapi bila dia pergi ke pantai dipukatnya laut dengan pukut tundanya itu. Ini yang menjadi mudarat kepada nelayan-nelayan kecil, bukan sahaja daratan laut itu dipukatnya tetapi pukut-pukat dan bubu-bubu kepunyaan nelayan-nelayan kecil ini habis dipukatnya juga. Inilah yang menyebabkan pergaduhan kadang-kadang berlaku antara nelayan-nelayan kecil dengan tuan-tuan pukut tunda ini. Tetapi bagi mereka hendak pergi ke laut dalam, saya sendiri tidak keberatan untuk memberikannya tetapi dengan ada pemikiran yang baharu ini kita sedang memikirkan soal perikanan ini dalam konteks perikanan 200 batu economic zone dan ini juga termasuk perhitungan kita dalam pukut tunda yang pada hari ini disukai ramai. Kalau kita kenangkan 15 tahun dahulu tidak ramai orang hendak beli pukut tunda kerana belum nampak hasilnya tetapi hari ini boleh kata semua hendak beli pukut tunda. Kita hadkan tempatnya, dia pergi juga ke tempat-tempat yang tidak patut mereka pergi. Ini sahaja yang menyebabkan saya berat sedikit hendak melepaskan atau meluluskan dengan tidak bersyarat kerana di samping kita memberi kelulusan kepada seorang punya pukut tunda mungkin menimbulkan mudarat kepada kaum-kaum nelayan yang lain yang ada di tepi pantai.

Kalau saya hendak panjangkan boleh, kalau tidak panjangkan pun tidak apa. Saya ingin.

Tuan Pengerusi: Kalau hendak diluluskan, saya boleh kemukakan sekarang.

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, saya fikir yang lain-lain itu biarlah saya timbang dan saya laksanakan mana-mana yang patut kita jalankan dan bagi Kementerian ini tidak ada hendak diselindungi dan akan diusahakan segala yang boleh mengikut kehendak dan kemampuan pegawai-pegawai di Kementerian ini.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$54,052,100 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada

Jadual; dan wang sebanyak \$250,020 untuk Maksud P. 25 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

Tuan Pengerusi: Esok Majlis ini akan menimbangankan Anggaran Belanjawan di bawah Kementerian Pelajaran iaitu B. 29 dan P. 29.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 21hb November, 1978 jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.